

**LANGKAP : SATU KAJIAN KOMUNITI CINA**

Untuk usaha menjayakan latihan Ilmiah ini, beberapa pihak telah memberi bantuan dan kerjasama kepada saya. Di sini saya mengambil kesempatan untuk **Oleh** sebuah setinggi-setinggi penghargaan kepada mereka.

**Chai Sai Hon**  
**No. Matrik 39592**

Khususnya kepada perENCIA saya, Dr. Raymond Lee, yang telah memberi garis-garis panduan dan cadangan-cadangan yang membina sehingga usaha ini dapat dilakukan dengan lancar. Beliau juga telah mengorbankan masa untuk menyusun draf-draf yang awal, di samping memberi bimbingan. Cadangan beliau sangat dihargai.

**Latihan Ilmiah**

**Bagi Memenuhi Sebahagian**

**Daripada Syarat-Syarat Untuk Ijazah Sarjana Muda Sastera**

Kepada penduduk Langkap yang responder untuk kajian ini, saya mengucapkan terima kasih. Ini ditujukan khususnya kepada Encik Chong Kap, Encik Tan Kong Hua, Encik Wong Kok Lee dan Pak Abu. Juga kepada Encik Zainal bin Samin yang selalu membantu saya menyalin peta Changkat Jong dan kepada Ketua Kerani (D.O.) di pejabat Majlis Daerah Hilir Perak, Teluk Intan. Tidak tertinggal juga kepada Encik Ching Yoong Hock yang

**JABATAN ANTROPOLOGI DAN SOSIOLOGI**

**UNIVERSITI MALAYA**

menemani saya apabila latihan ini dilaksanakan pada waktu malam.

**KUALA LUMPUR**

Akhir sekali saya ingin merakamkan penghargaan kepada ibubapa saya, Encik dan Puan Chai Peng dan kepada kakak saya, Puan Lin King Ann, yang telah menghabungi beberapa individu di Langkap. Sesi 1983/84

PENGHARGAAN

Dalam usaha menjayakan Latihan Ilmiah ini, beberapa pihak telah memberi bantuan dan kerjasama kepada saya. Di sini saya mengambil kesempatan untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada mereka.

Khususnya kepada penyelia saya, Dr. Raymond Lee, yang telah memberi garis-garis panduan dan cadangan-cadangan yang membina sehingga usaha ini dapat dilakukan dengan lancar. Beliau juga telah mengorbankan masa untuk menyemak draf-draf yang awal, di samping memberi bimbingan. Sumbangan beliau sangat dihargai.

Kepada penduduk Langkap yang telah menjadi responden untuk kajian ini, saya mengucapkan terima kasih. Ini ditujukan khususnya kepada Encik Chang Kap, Encik Tan Keng Hua, Encik Wong Kok Lee dan Pak Abu. Juga kepada Encik Zainal bin Samin yang sudi membenarkan saya menyalin peta Changkat Jong dan kepada Ketua Kerani (C.C.) di pejabat Majlis Daerah Hilir Perak, Teluk Intan. Tidak tertinggal juga kepada Encik Chiam Yeong Hock yang menemani saya apabila kajian luar dilakukan pada waktu malam.

Akhir sekali saya ingin merakamkan penghargaan kepada ibubapa saya, Encik dan Puan Chai Peng dan kepada kakak saya, Puan Lim King Aun, yang telah menghubungi beberapa individu di Langkap.

Individu ini menjadi responden awal untuk kajian ini. Dengan perhubungan ini saya dapat diterima oleh mereka dan seterusnya memudahkan pertemuan dengan responden-responden lain. Kajian ini dilakukan di Langkap, sebuah Kampung baru dan pekan kecil di selatan negeri Perak. In sejati komuniti Cina secara keseluruhan dalam enam bab:

**S. H. CHAI**  
**No. Matrik: 39592**

**Bab Pertama:** Kaedah tembusan formal dan informal, peserhatian dan kajian perpustakaan digunakan untuk Latihan Liniyah ini. Responden rasmi untuk kajian ini pula adalah 33 orang. Beberapa manusia ditemui semasa kajian luar tetapi ia dapat di atasi.

**Bab Kedua:** Langkap dipercayai bersama pembaca dalam bahagian ini dari segi kedudukannya, sejarah perkembangannya dan sedikit sebanyak tentang keadaannya dari ini.

**Bab Dua:** Jentara pentadbiran tempatan pada awalnya terdiri dari Sistem Pengkilas. Dengan peralihan masa, fungsi ini telah berubah dan difasihilah oleh Lembaga Pengurusan Kerajaan Tempatan. Ini berhubungan dengan sistem pentadbiran Majlis Daerah.

**Bab Tiga:** Dalam bab ini, ekonomi, pelajaran dan pertubuhan sosial, politik dan sistem keperosayaan di Langkap ditinjau. Penduduk Langkap bergantung kepada pertanian dan peminannya terdiri dari pemimpin MUA sepanjang Langkap dan pemimpin pertubuhan sosial di Langkap.

## SINOPSIS

Kajian ini dilakukan di Langkap, sebuah kampung baru dan pekan kecil di selatan negeri Perak. Ia melihat komuniti Cina secara keseluruhan dalam enam bab:

Bab PENDAHULUAN: Kaedah temubual formal dan informal; pemerhatian dan kajian perpustakaan digunakan untuk Latihan Ilmiah ini.

Responden rasmi untuk kajian ini pula adalah 33 orang. Beberapa masalah ditemui semasa kajian luar tetapi ia dapat diatasi.

Bab Satu: Langkap diperkenalkan kepada pembaca dalam bahagian ini dari segi kedudukannya, sejarah perkembangannya dan sedikit sebanyak tentang keadaannya hari ini.

Bab Dua: Jentera pentadbiran tempatan pada asasnya terdiri dari Sistem Penghulu. Dengan peralihan masa, fungsinya telah berubah dan diambil alih oleh Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan. Ini kemudian digantikan dengan sistem pentadbiran Majlis Daerah.

Bab Tiga: Dalam bab ini, ekonomi, pelajaran dan pertubuhan sosial, politik dan sistem kepercayaan di Langkap ditinjau. Penduduk Langkap bergantung kepada pertanian dan pimpinannya terdiri dari pemimpin MCA cawangan Langkap dan pemimpin pertubuhan sosial di Langkap.

**Bab Empat:** Dua aspek perhubungan Komuniti Cina Langkap ditinjau, iaitu dengan Komuniti Bukan Cina di Langkap dan dengan Komuniti di sekitar Langkap. Situasi yang membawakan perhubungan ini dibincangkan dalam aspek ini.

#### KAHUNGAN

**Bab Lima:** Beberapa penemuan penting dalam kajian ini disimpulkan.

#### SIMPULAN JADUAL

Antaranya, didapati ramai belia Cina di Langkap berhijrah untuk mencari kerja di Singapura. Dengan membandingkan kajian ini dengan empat kajian lain (Newell, Nyce, Strauch dan Loh) dapat disimpulkan bahawa ibubapa sedar akan kepentingan pelajaran formal anak-anak mereka sekarang. Berkenaan dengan organisasi tempatan, didapati GBBML dan MCA Langkap mempunyai pertalian yang rapat, terutamanya dari segi keahlian.

#### Bab Satu: LANGKAP SEBUAH PENGENALAN

- 1.1 Langkap - Pendekatan
- 1.2 Sejarah Perkembangan Langkap
- 1.3 Langkap Hari Ini

#### Bab Dua: PASTABILITAT TEPATAN

- 2.1 Pengurusan 15
- 2.2 Sistem Pengurusan 15
- 2.3 Kerajaan Tempatan 18
- 2.4 Lain-lain Pejabatan Kerajaan 23

<u>Bab Tiga: TINJAUAN UMUM KANDUNGAN</u>	25
3.1 Pengenalan	25
3.2 Ekonomi	25
<b>PENGHARGAAN</b>	31
3.3 Pelajaran dan Pertumbuhan Sosial	31
<b>SINOPSIS</b>	35
3.4 Politik	35
<b>KANDUNGAN</b>	39
3.5 Sistem Keperwajaan	39
<b>SENARAI JADUAL</b>	
<b>SENARAI PETA</b>	
<u>Bab Empat: HUBUNGAN KOMUNITI CIHA DENGAN KOMUNITI LAIN</u>	
<b>PENDEKAN (Abbreviations)</b>	
4.1 Pengenalan	43
4.2 Hubungan dengan Komuniti Dalam Ciha di Langkap	43
<b>PENDAHULUAN</b>	
4.3 Hubungan dengan Komuniti di Sekitar Langkap	45
0.1 Sebab-Sebab Kajian	1
0.2 Metodologi dan Responden	2
<u>Bab Lima: ANALISA DAN KESIMPULAN</u>	
0.3 Masalah Kajian	4
5.1 Pengenalan	52
5.2 Pengalihan Beliau	54
<b>Bab Satu: LANGKAP: SATU PENGENALAN</b>	
5.3 Sijil dan Pelajaran Formal	55
1.1 Langkap - Kedudukannya	8
5.4 Zon Geografi Tempatan dan Faktor-faktor Berkaitan	56
1.2 Sejarah Perkembangan Langkap	9
5.5 Kelebihan	58
1.3 Langkap Hari Ini	10
<b>CERITAH</b>	
<b>Bab Dua: PENTADBIRAN TEMPATAN</b>	
2.1 Pengenalan	15
<b>BILIOGRAFI</b>	
2.2 Sistem Penghulu	15
2.3 Kerajaan Tempatan	18
2.4 Lain-lain Pejabatan Kerajaan	23

**Bab Tiga: TINJAUAN TERHADAP KOMUNITI CINA DI LANGKAP**

3.1 Pengenalan	25
3.2 Ekonomi	25
3.3 Pelajaran dan Pertubuhan Sosial	31
3.4 Politik	35
3.5 Sistem Kepercayaan	39

**Bab Empat: HUBUNGAN KOMUNITI CINA DENGAN KOMUNITI LAIN**

4.1 Pengenalan	43
4.2 Hubungan dengan Komuniti Bukan Cina di Langkap	43
4.3 Hubungan dengan Komuniti di Sekitar Langkap	48

**Bab Lima: ANALISA DAN KESIMPULAN**

5.1 Pengenalan	52
5.2 Penghijrahan Belia	54
5.3 Sikap terhadap Pelajaran Formal	55
5.4 Kepimpinan Tempatan dan Faktor-faktor Berkaitan	58
5.5 Kesimpulan	62

**GAMBAR**

**BIBLIOGRAFI**

SENARAI JADUAL

Muka Surat

1. Peta 1

1. Jadual 1

Bilangan Responden mengikut pembahagian

2. Jadual 2

4

PETA LANGKAP

2. Jadual 11

Penduduk Langkap mengikut Etnik.

Banci Penduduk dan Perumahan tahun 1980,

diperolehi dari Pejabat Penghulu Changkat Jong.

14

3. Jadual 111

AHLI-MAJLIS MAJLIS DAERAH HILIR PERAK,

mengikut Parti Politik, tahun 1983/84.

20

4. Jadual 1V

Bilangan Murid mengikut Etnik dan Jantina

di Sek. Men. Datuk Sagor Langkap, yang

didaftar pada Januari 1983.

45

**SENARAI PETA**

**1. Peta 1**

1. GDRK Gerakan Demokratik Rakyat Kedudukan Langkap  
2. GBML Gerakan Belia Melayu Malaysia menganggung Langkap

**3. GERAKAN**

Gerakan Rakyat Melayu

**2. Peta 11**



4. MOA Malaysia Chinese Association  
**PETA LANGKAP**

5. MIC Malaysian Indian Congress  
6. SR Sekolah Rendah  
7. SRJK Sekolah Rendah Jenis Kelamin  
8. SM Sekolah Menengah  
9. ST Sekolah Tinggi  
10. SJP Sijil Rendah Pelajaran  
11. SPM Sijil Pelajaran Malaysia  
12. UNNO United Native National Organisation  
13. TOL Temporary Occupations License


**PENDEKAN**  
**(Abbreviations)**

1. GBBM Gerakan Belia Bersatu Malaysia
2. GBBML Gerakan Belia Bersatu Malaysia cawangan Langkap
3. GERAKAN Gerakan Rakyat Malaysia
4. MCA Malaysia Chinese Association
5. MIC Malaysian Indian Congress
6. SR Sekolah Rendah
7. SRJK Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan
8. SM Sekolah Menengah
9. ST Sekolah Tinggi
10. SRP Sijil Rendah Pelajaran
11. SPM Sijil Pelajaran Malaysia
12. UMNO United Malay National Organization
13. TOL Temporary Occupation Licence

Peta 1: KEDUDUKAN LANGKAP -  
petempatan kecil sekitarnya



Peta 11: PETA LANGKAP



## PENDAHULUAN

### 0.1 Sebab-Sebab Kajian

Setakat ini, para pengkaji sosial kurang memberi perhatian kepada komuniti Cina di kawasan luar bandar. Sejak sebelum dan selepas kemerdekaan Malaysia pada tahun 1957, pengkaji pengkaji luar dan dalam Malaysia dan perancang-perancang pembangunan negara telah menumpukan perhatian mereka kepada masyarakat Melayu di luar bandar. Masalah mereka telah banyak diterokai dan sifat-sifat masyarakat ini banyak dikaji.

Komuniti Cina di bandar pula tidak kurang menerima pengkaji yang mengambil berat akan aspek-aspek perkembangan ekonomi, politik dan sosialnya. Tidak dapat dinafikan yang ada kajian dilakukan ke atas masyarakat Cina di luar bandar, tetapi usaha dalam bidang ini adalah kurang berbanding dengan kedua-dua masyarakat Melayu di luar bandar dan komuniti Cina di bandar.

Dengan yang demikian, saya telah membuat kajian ke atas keseluruhan komuniti Cina di Langkap dan melihat institusi yang ada di dalamnya. Perhatian juga telah ditumpukan kepada hubungan masyarakat Cina di Langkap dengan masyarakat bukan Cina yang tinggal di situ. Kajian saya juga meliputi bidang politik, ekonomi dan jentera pentadbiran tempatan di Langkap. Walaupun kajian ini tidak mendalam, saya menanam harapan supaya kajian ini dapat memberi sumbangan kecil kepada mereka yang

berminat dalam bidang kemasyarakatan.

Langkap telah dipilih sebagai tempat kajian berdasarkan beberapa faktor. Tempat ini dianggap sesuai kerana majoriti penduduknya adalah orang Cina, di samping mempunyai sebilangan penduduk Melayu dan India. Selain dari ini, saya tinggal di Langkap bersama keluarga saya. Dengan itu, saya berpendapat yang ini memudahkan saya melakukan kajian luar, terutama dalam menghubungi responden. Sebaliknya, faktor ini juga boleh menjadi halangan kepada kajian yang objektif.

#### 0.2 Metodologi dan Responden

Kajian ke atas komuniti Cina di Langkap ini meliputi beberapa bidang. Di antaranya termasuklah ekonomi, politik, sejarah, institusi sosial, pentadbiran tempatan dan perhubungannya dengan masyarakat lain di sekitarnya. Memandangkan bidang-bidang yang berbeza ini, saya telah menggunakan metode temubual (interviu) formal dan informal. Perkara-perkara yang hendak ditanya terlebih dahulu dirancangkan sebelum menemui responden. Responden biasanya tidak diberitahu kesemua perkara yang saya hendak selidiki. Misalnya, responden telah diberitahu yang saya menghendaki data tentang MCA. Setelah mendapatkan bahan yang cukup, saya lanjutkan perbualan kami kepada aspek lain yang dikaji dan tidak mencatitkan apa yang diberitahunya. Saya dapati seseorang responden lebih bersedia untuk bercakap jika catitan

tidak dibuat di hadapannya.

Selain dari temubual, saya juga telah menggunakan metode pemerhatian. Beberapa perkara tidak dapat dikaji dengan teliti semata-mata dengan temuduga. Aspek-aspek seperti sistem kepercayaan dan hubungan ras juga memerlukan pemerhatian bagi melihat polapolanya. Untuk mendalami aspek-aspek seperti pentadbiran tempatan yang akan dibincangkan dalam Bab Dua, kajian perpustakaan dilakukan sebagai tambahan kepada data yang diperolehi dari kajian luar.

Bilangan responden yang saya temui melalui perancangan terlebih dahulu adalah tiga puluh tiga orang. Hendaklah saya menekankan di sini bahawa terdapat ahli-ahli komuniti lain yang mungkin telah memberi banyak maklumat tentang Langkap dalam jangka masa kajian luar dilakukan. Kami mungkin telah bertemu secara tidak dirancang untuk kajian ini tetapi telah membincangkan perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

Berbalik kepada tiga puluh tiga orang responden (rasmi) tadi, mereka bukanlah mewakili semua lapisan penduduk Langkap secara seimbang, dari segi perkerjaan dan kaum. Golongan yang mulamula sekali ditemui adalah terdiri dari individu yang berpengaruh dalam komuniti Cina. Biasanya, mereka terdiri dari ahli politik dan individu yang menyandang jawatan-jawatan penting dalam organisasi sosial. Ini diikuti dengan pegawai-pegawai kerajaan

untuk memperolehi data lanjut berkenaan dengan Langkap seperti statistik penduduknya. Seterusnya, lapisan penduduk Cina yang biasa di temui. Berikut dengan ini, saya menghadapi kesukaran untuk membuat percupai yang benar-benar objektif dalam hal

	CINA	MELAYU	INDIA	Jumlah
LELAKI	11	7	4	22
PEREMPUAN	9	1	1	11
Jumlah	20	8	5	33

Jadual 1: Bilangan Responden mengikut pembahagian kepada jantina dan etnik.

Jadual 1 di atas menunjukkan bilangan responden mengikut jantina dan etnik sebagaimana yang telah ditemui semasa kajian luar.

Seramai dua puluh dua orang responden adalah lelaki dan sebelas yang lain adalah wanita. Jadual tersebut juga menunjukkan yang kebanyakannya responden adalah orang Cina, iaitu dua puluh orang.

Secara amnya, responden-responden ini terdiri dari guru, pegawai kerajaan, kedai dan petani.

### 0.3 Masalah Kajian

Sebagaimana yang telah dikatakan, kajian ini dilakukan di Langkap yang juga merupakan tempat tinggal saya untuk kira-kira dua puluh tahun yang lalu. Seperti yang dijangkakan, faktor ini memudahkan pengumpulan bahan, terutama sekali dalam menghubungi responden yang sesuai. Sungguhpun begitu, terdapat juga masalah yang

berikut dengan perkara ini. Sebagai ahli komuniti di situ, saya dapati banyak nilai-nilai komuniti Cina itu telah disosialisasikan kepada saya. Berikut dengan ini, saya menghadapi kesukaran untuk membuat persepsi yang benar-benar objektif dalam hal-hal tertentu seperti kumpulan dialek yang dominan di Langkap. Oleh kerana dialek Kantonis selalu digunakan dalam komunikasi harian (di antara individu berlainan dialek) dan bilangan orang yang bertutur dalam Hokien dan Hakka juga tidak kecil, saya dapati sukar untuk membuat pemerhatian yang tepat.<sup>1</sup> Untuk menyelesaikan masalah ini, saya telah bertemu dengan pendatang baru ke Langkap. Mereka yang dipilih itu mempunyai banyak peluang untuk berinteraksi dengan penduduk tempatan. Pendapat mereka tentang soal ini didapati dan seterusnya penganalisaan dibuat untuk memperolehi kesimpulan.

Dari segi sambutan dan kerjasama responden terhadap kajian luar ini, keseluruhannya adalah baik, kecuali dalam aspek-aspek yang tertentu. Terdapat perkara-perkara tertentu yang mana responden cuba elakkan dari perbincangan kami. Soal-soal yang berkaitan dengan keselamatan tempatan (pengaruh ideologi komunis), konflik dan isu-isu yang menyentuh perhubungan ras tidak mendapat sambutan atau tindakbalas yang diharapkan. Umumnya, penduduk perlu diwaktu ditanya walaupun soalan-soalan seperti ini di sini tidak membincang isu-isu seperti ini secara bebas dan ditanya secara halus (Indirectly). Mereka berasa curiga dan

1. Saya tidak dapat memperolehi data ini (bilangan penduduk Cina mengikut dialek) dari pihak berkuasa.

terbuka dengan sesiapapun. Jika isu seperti ini disuarakan, ia adalah di kalangan yang mereka benar-benar kenal.

Dari segi faktor jantina, sebilangan besar dari responden (rasmii) adalah kaum lelaki. Pengalaman saya menunjukkan ada di kalangan mereka yang tidak begitu sudi untuk diinterbiu oleh seorang perempuan. Ini terjadi terutama pada waktu malam dengan golongan lelaki yang lebih 'senior'. Beberapa dari mereka tidak dapat ditemui pada waktu siang kerana hal-hal tertentu dan kajian terpaksa dijalankan pada waktu malam.

Pada pandangan mereka, saya harus ditemani oleh seorang lain apabila keluar pada waktu malam. Setelah menemui beberapa kes yang demikian, saya sentiasa membawa seorang teman (lelaki) bersama jika kajian dilakukan pada waktu malam. Sungguhpun demikian, responden lelaki biasanya tidak suka berhadapan dengan dengan seorang perempuan yang mengemukakan soalan-soalan kepada mereka. Saya dapati, ada di antara mereka yang menghadap teman saya semasa bercakap, seolah-olah dia yang memajukan soalan-soalan itu.

Selain dari itu, ada responden yang tidak suka jika butir-butir peribadi mereka ditanya walaupun soalan-soalan seperti ini ditanya secara halus (indirectly). Mereka berasa curiga dan memberitahu saya yang butir-butir ini tidak perlu ditanya. Bagaimanapun, sebahagian besar dari kajian luar saya dilakukan

Rah dengan lancar.

### 1.1 Langkap & Reductoquay

Langkap adalah sebuah pekan kecil di selatan Perak yang sekarang berluas kira-kira 4.312 hektar persegi.<sup>2</sup> Ia masih termasuk dalam Bahagian Chendering. Kawasan pentadbiran sebenarnya pada masa itu masih dipimpin oleh pejabatnya Al Langkap. Walaupun ini pada akhirnya terbahagi di bawah Daerah Hilir Perak yang ditubuhkan oleh kerajaan persekutuan dan dua pejabatnya berlatar di Kuala Kangsar.

Pertama kali bandar di sekitar Langkap iaitu Sekit Jantan (Sekit Anson), Kampur dan Siler. Kawasan bandar-bandar ini adalah 30 km (16 batu) dari Langkap. Langkap terletak kira-kira 40 batu dari Ipoh iaitu mengikut Perak. Sebagaimana buku pertempahan hasil kerja sejulur di sekitar Langkap dan ini termasuklah Kampung Ghai Chuk, Kampung Palawan, Kampung Geh Kong, Dusun, Silam, Ayer Ilam dan Kampung Batu 17. Kawasan pertempahan ini bersempadan sebahagiannya dengan Langkap. Langkap seperti Kampung Ghai Chuk, Palawan, Kampung Geh Kong dan Batu 17, pada awalnya adalah kampung baru yang masih semasa berasal pada tahun 1960an. Untuk melihat keadaan pertempahan-pertempahan dan bandar-bandar di sekitar Langkap yang terseluruh di atas, sila rujuk kepada Fatai 1.

2. Bahagian Chendering, berluas sepekan peratus jumlah keseluruhan Daerah Hilir Perak Sekit Anson, pada 30 April, 1990, Sekit Anson, Perak, 1990, halaman 42.

Bab Satu: LANGKAP: SATU PENGENALAN

1.1 Langkap - Kedudukannya

Langkap adalah sebuah pekan kecil di selatan Perak yang mempunyai keluasan kira-kira 4.312 batu persegi.<sup>2</sup> Ia adalah termasuk dalam Mukim Changkat Jong, kawasan pentadbiran seorang penghulu yang mempunyai pejabatnya di Langkap. Mukim ini pula adalah tertakluk di bawah Daerah Hilir Perak yang ditadbir oleh seorang pegawai daerah dan ibu pejabatnya terletak di Teluk Intan.

Terdapat beberapa buah bandar di sekitar Langkap iaitu Teluk Intan (Teluk Anson), Kampar dan Bidor. Kesemua bandar-bandar ini adalah 30 km (16 batu) dari Langkap. Langkap terletak kira-kira 40 batu dari Ipoh, ibu negeri Perak. Beberapa buah pertempatan kecil juga wujud di sekitar Langkap dan ini termasuklah Kampung Chui Chak, Kampung Pelawan, Kampung Goh Hong, Degong, Chikus, Ayer Itam dan Kampung Batu 12. Kesemua pertempatan ini terletak tidak melebihi 5 batu dari Langkap. Langkap seperti Kampung Chui Chak, Pelawan, Kampung Goh Hong dan Batu 12, pada asalnya adalah kampung baru yang wujud semasa Darurat pada tahun 1940an. Untuk melihat kedudukan pertempatan-pertempatan dan bandar-bandar di sekitar Langkap yang tersebut di atas, sila rujuk kepada Peta 1.

2. Buku Cenderamata, keluaran sempena Perayaan Pengistiharan Majlis Daerah Hilir Perak Teluk Anson, pada 5hb. April, 1980, Teluk Anson, Perak, 1980.

Dewasa ini, terdapat perkhidmatan bas ke Langkap yang disediakan dari Teluk Intan ke Kampar; satu perjalanan dalam tiap-tiap 30 minit. Biasanya, dari Langkap, ia mengambil kira-kira 45 minit untuk sampai ke Teluk Intan atau Kampar. Jika kereta digunakan, 30 minit adalah memadai. Bas dari Langkap ke Kampung Chui Chak juga disediakan, iaitu satu perjalanan dalam satu jam. Ia mengambil masa kurang dari 20 minit.

#### 1.2 Sejarah Perkembangan Langkap<sup>3</sup>

Menurut orang tua-tua yang masih ada di Langkap dan telah lama tinggal di situ, kawasan yang sekarang ini menampung lebih dari 6,000 penduduk, pernah satu ketika dahulu merupakan kawasan hutan. Tempat ini dibuka pada awal tahun 1900an untuk mendapatkan bahan-bahan hutan. Pada masa itu, cuma terdapat beberapa buah kedai papan di sepanjang Jalan Besar yang ada hari ini.<sup>4</sup> Nama Langkap dikatakan berasal dari sejenis pokok langkap. Penduduk yang awal sekali dikatakan adalah orang Melayu yang berpecah kepada tiga golongan kekeluargaan yang besar. Kemudian orang Cina berhijrah beramai-ramai dan membuka pertempatan baru di situ. Pendatang awal Cina ini dikatakan berasal dari negeri Cina. Mereka pernah tinggal di tempat lain di negeri Perak sebelum memulakan penghidupan di Langkap.

- 
3. Kajian ke atas sejarah Langkap pernah dibuat oleh Ngazizan Hj. Din, pada tahun 1974/75 bagi memenuhi kertas 'Sejarah Masyarakat Majmuk dan Malaysia', Jabatan Sejarah, Universiti Malaya.
  4. Rujuk kepada Peta 11.

Menjelang tahun 1933, sekolah Melayu yang pertama di Langkap telah dibina secara gotong-royong oleh penduduk Melayu tempatan. Sekolah itu adalah SRK Seri Langkap. Pada tahun 1934, SRJK Wah Keow pula didirikan dengan kira-kira 20 orang murid. Sekolah ini dibiayai oleh orang Cina yang mampu dan ia mengajar falsafah klasik Cina. Pada masa yang sama juga, sebuah balai polis didirikan di Langkap. Perkembangan-perkembangan ini menunjukkan bahawa penduduk Langkap sudah bertambah sehingga perlu diadakan kawalan keselamatan dan kemudahan pelajaran untuk anak-anak tempatan.

Ekonomi awal penduduk Cina di Langkap tertumpu pada pengumpulan bahan-bahan hutan. Kemudian hutan ditebangkan dan tanah dibuka untuk tanaman padi dan sayur-sayuran. Sebilangan kecil dari mereka terlibat dalam aktiviti menternak babi, ayam dan itek untuk dijual dan juga untuk menampung kegunaan sendiri. Dengan wujudnya sebuah pertempatan yang kian membesar, maka selari dengan perkembangan ini, lahir satu golongan perniaga.

Pendudukan Jepun di Malaya adalah pendek, iaitu dari tahun 1941-45, tetapi ia meninggalkan banyak kesan buruk. Langkap tidak terkecuali dari kekejamannya. Pada masa itu, Langkap mengalami satu kebakaran besar dan mengakibatkan kehilangan jiwa.

Peristiwa itu berlaku apabila seorang tahanan Jepun mlarikan diri dan bersembunyi di Langkap. Pemerintah Jepun mengugut hendak

membakar seluruh Langkap sekiranya tahanan itu tidak diserahkan. Jepun tidak menunaikan janji. Mereka membakar beberapa derek rumah dan kedai pada waktu malam, selepas tahanan itu diserahkan dan dibunuhi. Beberapa orang kanak-kanak yang tidak sempat diselamatkan menjadi mangsa kebakaran itu. Berikut dari ini, beberapa keluarga telah mendirikan rumah dalam kawasan yang lebih jauh kepada pendalaman hutan.

Setelah Jepun kalah dalam Perang Dunia Kedua, British kembali ke Malaya. Penjajah British dan bekas MPAJA tidak dapat mencapai kata sepakat. Parti Komunis Malaya mengancam keselamatan negara dan membangkitkan huru-hara. Kerajaan British mengistiharkan Darurat pada bulan Jun 1948. Bagi menghalang bantuan makanan dan matlumat dari sampai ke tangan Komunis yang menyembunyikan diri dalam hutan, Rancangan Briggs mula menempatkan-semula penduduk Cina di kawasan pendalaman ke dalam kampung baru.<sup>5</sup> Langkap juga mempunyai sebuah kampung baru.

Pembentukan kampung baru Langkap meninggalkan banyak kesan dalam banyak aspek. Tiap-tiap keluarga telah diberi sebuah tapak tanah untuk rumah, lima ekar tanah untuk tanaman padi dan dua ekar untuk buah-buahan. Pada mulanya, tanah itu adalah bertaraf TOL

5. Sila lihat Dobby, E.H.G., Resettlement transforms Malaya: 'A Case History of Relocating the Population of an Asian Plural Society', dalam Economic Development and Cultural Change, Vol. 3, 1953.

(Temporary Occupation Licence) iaitu, tiap-tiap tahun, lesen perlu diperolehi untuk tanah itu dan ia tidak boleh ditukar-milikkan. Sejak kemerdekaan hingga sekarang, kebanyakkan dari permohonan untuk mendapatkan hak milik penuh (geran) tanah ini telah diluluskan.

Tahun-tahun 1950an dan 60an merupakan zaman lahirnya kegiatan politik di Langkap. Cawangan parti-parti politik UMNO, MCA, GERAKAN dan MIC ditubuhkan di Langkap. Parti Perikatan (gabungan UMNO, MCA dan MIC) berjaya dalam semua pilihanraya yang diadakan di Langkap. Langkap adalah termasuk dalam kawasan Batak Rabit, kemudian diubah kepada kawasan Sg. Manik pada tahun 1974. Pada tahun 1969, bagi kali yang pertama Parti Perikatan gagal untuk mengekalkan kerusinya di Parlimen bagi kawasan Batak Rabit. Bagaimanapun, DAP yang berjaya dalam tahun itu tidak dapat mengekalkan kedudukannya dalam pilihanraya yang berikutnya.

Selepas kemerdekaan Malaya, penduduk Langkap menerima banyak kemudahan. Pada tahun-tahun 1960an, SRJK Inggeris St. Anthony (1969) dan SM Datok Sagor (1965) didirikan. Pada tahun 1968, sebuah pusat kesihatan kecil (Sub-Health Centre) diadakan. Tarafnya kini dinaikkan kepada Pusat Kesihatan (Main Health Centre) untuk memberi perkhidmatan perubatan kepada penduduk dari Langkap, Pelawan, Chui Chak, Air Itam, Batu 12, Pembrok, Susex, Retani, Air Kuning dan Changkat Petai.

Pada tahun 1964, satu lagi kebakaran melanda pekan Langkap dan 49 buah rumah dan kedai telah dijilat api menyebabkan kira-kira 600 orang kehilangan rumah. Kawasan yang terlibat adalah Jalan Besar dan Cross Street. Peristiwa ini membolehkan kerajaan mengemaskin pelan tanah. Sebelum ini, kedai-kedai di situ didirikan atas tapak yang sangat sempit dan sesak. Dengan kebakaran ini, tapak sesebuah kedai diperluaskan dan diukur secara sistematis. Sebilangan besar dari mangsa kebakaran ini yang tidak mendapat tempat dalam kawasan yang sama untuk mendirikan rumah telah diberi tanah TOL di Lot 15. Baru-baru ini, kerajaan bercadang untuk melancarkan sebuah projek perumahan dalam kawasan ini dan ini menimbulkan masalah bagi penduduk yang terlibat. Perkara ini akan dibincangkan dengan lebih lanjut dalam Bab tiga.

### 1.3 Langkap hari ini

Menurut Pejabat Penghulu Changkat Jong, Langkap mempunyai 6,717 orang penduduk. Angka ini diperolehi berdasarkan Banci Penduduk yang dijalankan pada tahun 1980. Jika dipecahkan menurut kaum, bilangannya adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 11, muka surat 14. Dari Jadual 11, adalah jelas yang penduduk Langkap terdiri dari tiga kaum dan sebahagian besar darinya adalah orang Cina.

Sabah: PERTAMBIHAN TEMPATAN

Etnik	Bilangan
Cina	3,998 orang
Melayu	1,856 orang
India	863 orang
Jumlah	6,717 orang

**Jadual 11:** Penduduk Langkap mengikut etnik. <sup>6.1</sup> Data di Langkap. Ia Banci Penduduk dan Perumahan tahun 1980, <sup>6.2</sup> yang dapat diperolehi dari Pejabat Penghulu Changkat Jong.

<sup>6.3</sup> Dibuat berdasarkan keadaan hari ini. Bab-bab yang

Peta 11 memberi satu gambaran kasar tentang Langkap. Ia mempunyai dua batang jalan utama iaitu Jalan Besar dan Jalan Silang (Cross Street). Institusi-institusi agama, pelajaran, perniagaan, pejabatan kerajaan dan perumahan ditunjukkan dalam peta itu.

Peta ini dibuat berdasarkan keadaan hari ini. Bab-bab yang seterusnya meninjau beberapa aspek yang khusus tentang Langkap dengan memberi fokus kepada aktiviti komuniti Cinanya.

- a) Unit politik yang terkecil adalah mukim, yang diperintah oleh seorang Penghulu. Mukim merupakan gabungan dari beberapa buah kampung yang diketuai oleh seorang Ketua Kampung.

Langkap terletak di dalam Mukim Changkat Jong yang termasuk dalam

6. Lihat, Gullick, J.W., *Indigenous Political Systems of Western Malaya*, University of London, The Athlone Press, London, 1965, (reprinted), halaman 21-22.

Bab Dua: PENTADBIRAN TEMPATAN. Pengaruh sejajar ini berpejabat

di Langkap, manakala Pegawai Daerah Kiliar Perak pula berpejabat

## 2.1 Pengenalan

Jawatan Penghulu telah lama wujud (sejak Kesultanan Pentadbiran Tempatan dipilih sebagai tajuk bab ini kerana ia merangkumi aspek-aspek Sistem Penghulu, Kerajaan Tempatan dan Pejabatan Kerajaan yang lain. Bab ini memberi satu gambaran tentang struktur pentadbiran peringkat tempatan di Langkap. Ia juga dapat membantu pembaca memahami beberapa perkara yang akan dibicarakan dalam bab-bab yang lebih kemudian. berdasarkan pada latar belakang keluarga, kedudukan dari segi ekonomi, bilangan

## 2.2 Sistem Penghulu

J.M. Gullick<sup>6</sup> telah membahagikan sistem politik Malaya kepada tiga unit politik iaitu:

- Negeri (unit yang terbesar) yang diketuai oleh seorang Sultan. Sekarang ia ditadbir oleh sebuah badan perwakilan yang dilantik.
- Setiap negeri terdiri dari beberapa buah daerah. Daerah ditadbir oleh seorang pembesar. Tanggungjawab ini sekarang diambil alih oleh seorang pegawai daerah.
- Unit politik yang terkecil adalah mukim, yang diperintah oleh seorang Penghulu. Mukim merupakan gabungan dari beberapa buah kampung yang diketuai oleh seorang Ketua Kampung.

Langkap terletak di dalam Mukim Changkat Jong yang termasuk dalam seluruh dibentuk naskah. Sistem Penghulu turut mengalami perubahan.

6. Lihat. Gullick, J.M., Indigenous Political Systems of Western Malaya, University of London, The Athlone Press, London, 1965, (reprinted), halaman 21-22.

kawasan Daerah Hilir Perak. Penghulu mukim ini berpejabat di Langkap, manakala Pegawai Daerah Hilir Perak pula berpejabat di Teluk Intan. Jawatan Penghulu telah lama wujud (sejak Kesultanan Melayu Melaka lagi) dan sekarang ia telah mengalami banyak perubahan terutama dengan campurtangan Inggeris di Tanah Melayu. Perubahan yang berlaku bukanlah setakat pada cara perlantikan dan kuasa atau tanggungjawabnya, tetapi juga dari segi kedudukan dan statusnya dalam masyarakat. Pada zaman sebelum kedatangan Inggeris ke Tanah Melayu, Penghulu dilantik oleh Sultan berdasarkan pada latar belakang keluarga, kedudukan dari segi ekonomi, bilangan pengikut yang ada dan sikapnya. Perlantikan disahkan dengan penganugerahan surat tauliah dari Sultan. Hubungan Penghulu dengan Sultan ini telah memberi Penghulu satu kedudukan yang istimewa dan anak buahnya memandang tinggi dan segan dengan Penghulu. Pada masa itu, Penghulu merupakan perantaraan kepada dua pihak, iaitu Sultan dan anak buahnya. Dia bertanggungjawab dalam menjaga keamanan mukimnya; menangkap penjenayah dan menyerahkannya kepada pengadilan Pembesar; mengumpulkan tenaga buruh bila dikehendaki oleh Sultan di bawah Sistem Kerah dan menyediakan askar apabila dikehendaki oleh Pembesar daerah.<sup>7</sup>

Dengan kedatangan British ke Malaya, unsur-unsur pentadbiran barat telah dibawa masuk. Sistem Penghulu turut mengalami perubahan.

7. Ibid, halaman 36.

Penghulu di Langkap bukan dilantik oleh Sultan. Ia merupakan sebahagian dari birokrasi kerajaan. Jawatan kosong disiarkan dalam akbar dan permohonan dimajukan kepada Pegawai Daerah. Perlantikan dibuat oleh Pegawai Daerah dan surat tauliah ditandatangani oleh Setiausaha Negeri Perak. Kelayakan untuk dilantik adalah berdasarkan kepada kriteria pelajaran dan kebolehannya, dan bukan berdasarkan ciri 'ascriptive' seperti dahulu. Hubungannya dengan Sultan yang memberinya kedudukan istimewa pada pandangan anak buahnya sudah tidak wujud lagi.

Penghulu Mukim Changkat Jong bertindak sebagai perantaraan untuk dua pihak iaitu penduduk tempatan dan pegawai-pegawai kerajaan yang datang melaksanakan sesuatu projek. Biasanya, pegawai-pegawai kerajaan yang ditugaskan untuk melakukan sesuatu rancangan di luar bandar tidak mempunyai pertalian yang rapat dengan penduduk tempatan. Mereka juga terpaksa mendapatkan matlumat tentang keadaan di kawasan itu sebelum dapat menjalankan tugasnya dengan berkesan. Dengan yang demikian, pegawai itu boleh mengunjungi Penghulu dan mendapatkan kerjasama.

Dengan ini, Penghulu di Langkap tidak boleh dianggap sebagai ketua atau wakil penduduk Cina di situ. Ini ditambah lagi dengan adanya pemimpin sosial yang lain seperti golongan guru Cina dan pemimpin organisasi sosial dan politik. Faktor etnik juga terlibat di sini kerana Penghulu di Langkap adalah seorang Melayu. Perhubungan di antara Penghulu dan penduduk bukan Cina di Langkap adalah formal dan biasanya terhad kepada pemimpin dari organisasi tempatan.

### 2.3 Kerajaan Tempatan

Kerajaan tempatan di Langkap adalah bercorak Majlis Daerah yang berpusat di Teluk Intan. Ianya dimulakan pada bulan Disember, 1979, sebagaimana mengikut Akta Kerajaan Tempatan 1976. Sebelum ini, Langkap ditadbir mengikut sistem Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan (LPKT). Pada masa itu, pentadbirannya cuma meliputi pekan Langkap iaitu seluas 0.359 batu persegi. Ini diliaskan kepada 4.312 batu persegi di bawah Majlis Daerah.

Dalam LPKT Langkap, seramai 12 orang ahli dilantik dari penduduk tempatan untuk berkhidmat selama satu tahun. Pengurus lembaga ini adalah seorang pegawai kerajaan iaitu Penolong Pegawai Daerah 1, dari Daerah Hilir Perak. Ahli-ahli lembaga ini tidak menerima gaji tetapi diberi elauan mesyuarat. LPKT ini diberi kuasa untuk melantik semua kakitangan yang diperlukan bagi melaksanakan tugasnya.

Sungguhpun demikian, corak pentadbiran ini mempunyai banyak kelemahan. Ianya tidak mempunyai punca kewangan yang cukup. Pendapatannya bergantung kepada kutipan cukai dan lesen dari penduduk tempatan dan juga dari kerelaan kerajaan negeri untuk memberi bantuan (balancing grant). Dengan pendapatan yang terhad, lembaga ini tidak mempunyai kakitangan yang cukup terutama dalam bidang teknikal atau profesional. Perkhidmatan lembaga ini cuma terhad kepada bidang kesihatan dan kebersihan. Masalah kewangan lembaga ini bertambah buruk semasa PPP (People's

Progressive Party) berkuasa dalam LPKT Langkap pada awal tahun 1960an. Ini adalah kerana kerajaan negeri enggan memberikan bantuan kewangan kepadanya.

Memandangkan kelemahan-kelemahan kerajaan tempatan pada masa itu, dan keadaan politik peringkat negara,<sup>8</sup> kerajaan Malaysia telah mengambil keputusan untuk menyusun-semula pentadbiran kerajaan tempatan. Berikut dengan ini, beberapa jawatankuasa telah dibentuk untuk menyiasat perkara ini dan mengutarakan cadangan-cadangan bagi memperbaiki keadaan yang kian buruk itu. Dari tahun 1973-1975, kerajaan tempatan mula disusun-semula kepada dua bentuk utama, iaitu Majlis Daerah dan Majlis Perbandaran.

Dengan ini, Majlis Daerah Hilir Perak telah diwujudkan di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976. Majlis ini diistiharkan secara rasmi pada bulan April 1980. Di bawah majlis ini, Lembaga-lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan Teluk Anson, Hilir Perak, Langkap, Kampung Chui Chak, Kampung Pelawan dan Kampung Batu 12 telah dicantumkan bersama. LPKT Hilir Perak meliputi beberapa tempat iaitu Bagan Datuk, Selekok, Simpang Tiga, Batu 20, Sg. Sumun, Hutan Melintang, Jenderata dan Degong. Perubahan dalam kerajaan tempatan meluaskan kawasan Langkap dari 0.359 batu persegi kepada 4.312 batu persegi. Seramai 24 orang Ahli-Majlis dilantik oleh

8. Norris telah memberiuraian tentang kelemahan kerajaan tempatan dan situasi politik pada tahun-tahun 1960an. Sila lihat : Norris, M.W., Local Government in Peninsular Malaysia, Gower, 1980, Halaman 28-32.

pihak berkuasa kerajaan negeri untuk mentadbir Majlis Daerah Hilir Perak. Menurut Akta 171, perlantikan Ahli-Majlis ini hendaklah merujuk kepada minat dan pekerjaan mereka serta pengalaman dan pengetahuan mereka tentang urusan kerajaan tempatan. Mereka juga hendaklah terdiri dari penduduk tempatan. Yang Di Pertua Majlis adalah Pegawai Daerah dari daerah yang sama. Beliau menjadi pengurus dalam semua mesyuarat majlis. Berdasarkan lantikan Ahli-Majlis yang terbaru, (yang berkuatkuasa mulai dari 1hb. April, 1983) didapati kesemua, kecuali Pegawai Daerah, mempunyai latar belakang politik seperti yang berikut:

PARTI POLITIK	BILANGAN
1. Peg. Daerah	1
2. UMNO	10
3. MCA	5
4. MIC	2
5. GERAKAN	5
6. PPP	1
JUMLAH	24

Jadual 111: Ahli-Majlis Majlis Daerah Hilir Perak, mengikut parti politik, tahun 1983/84.

Di samping 24 orang Ahli-Majlis ini, seramai 16 orang Ahli Co-Opt (pegawai-pegawai dari jabatan kerajaan dan penghulu-penghulu) telah dilantik ke dalam majlis untuk membantu dalam hal-hal yang berkaitan dengan bidang yang teknikal. Sejak berubah dari LPKT, tanggungjawab majlis telah diperluaskan. Ia kini bertanggungjawab ke atas kebanyakan dari kemudahan awam, termasuk penilaian harta,

dan kesihatan. Mereka juga boleh mendapatkan tanah untuk melancarkan projek untuk kemudahan awam dan membentuk kawasan industri jika mampu. Organisasi Majlis Daerah Hilir Perak dibahagi kepada beberapa bahagian iaitu:

- a) Pelesenan Pasar dan Rumah Sembilih;
- b) Pembersihan;
- c) Kejuruteraan dan Bangunan;
- d) Urusetia Pentadbiran dan Perkhidmatan;
- e) Perbendaharaan, Pemunggut Hasil dan Perbelanjaan; dan
- f) Penilaian.

Selain dari pembahagian ini, majlis ini membentuk beberapa jawatankuasa kecil untuk memudahkan pelaksanaan tugas.

Sebahagian besar tanah di kawasan ini langkap.

Ahli-ahli jawatankuasa kecil ini akan bertemu dalam mesyuarat jawatankuasa kecil masing-masing dan membincangkan persoalan yang berkaitan dengan bidang masing-masing. Keputusan mereka akan dibawa kepada Mesyuarat Penuh Majlis yang dihadiri oleh semua Ahli-Majlis dan ahli Co-Opt untuk dipertimbangkan.

Majlis Daerah Hilir Perak mempunyai beberapa punca kewangan. Ia bertanggungjawab mengutip cukai tafsiran am dan lesen pasar di kawasannya. Selain dari ini, Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri Perak juga memberi bantuan kewangan dalam bentuk Geran teknikal dan profesional yang cukup. Akibatnya, kerajaan Tahunan dan Geran Pelancaran.

9. Dalam Panduan Majlis Daerah Hilir Perak ke Arkib Persekutuan  
Kerajaan tempatan berorak Majlis Daerah adalah lebih sistematis  
Johor, Oktober, 1982.

dan kuasanya telah bertambah jika berbanding dengan LPKT.

Sungguhpun demikian, ia tidak terlepas dari beberapa kelemahan.

Kuasa kerajaan tempatan berpusat di Teluk Intan di mana pejabatnya bertempat. Dengan itu, segala urusan terpaksa mendapatkan arahan dari sana. Perwakilan penduduk Langkap ke majlis ini adalah terhad kepada dua orang, seorang ahli UMNO dan seorang ahli MCA. Ini adalah tidak seimbang memandangkan, penduduk Cina di Langkap melebihi dua kali ganda (3,998 orang) penduduk Melayu (1,856). Banyak dari urusan dan masalah tempatan yang timbul terpaksa menunggu keputusan dari Majlis Daerah. Oleh kerana majlis ini mempunyai banyak tanggungjawab, masalah yang timbul mengambil masa yang lama sebelum ia diselesaikan. Ini terjadi kepada masalah plan tanah di kampung baru Langkap.

Walaupun Majlis Daerah menerima bantuan kewangan dari kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri, tetapi peruntukan kewangan ini masih tidak mencukupi untuk pentadbiran yang cekap. Ini berlaku terutama sekali pada peringkat awal pelancaran Majlis ini kerana hutang lama LPKT<sup>9</sup> (Langkap, Chui Chak dan Pelawan serta Batu 12) telah menjadi tanggungjawab Majlis Daerah untuk diselesaikan.

Hal ini adalah menurut cadangan Lapuran Gaji Harun. Tanpa kewangan yang cukup, majlis ini tidak mempunyai pegawai-pegawai teknikal dan profesional yang cukup. Akibatnya, kemahiran

9. Buku Panduan Majlis Daerah Hilir Perak Ke Arah Pembangunan, keluaran Majlis Daerah Hilir Perak, Teluk Intan, Perak, 30hb. Oktober, 1982.

pegawai-pegawai ini lebih ditumpukan di Teluk Intan. Selain dari Majlis Daerah, Langkap juga menerima perkhidmatan kerajaan yang lain dan ini dihuraikan secara ringkas berikut ini.

#### 2.4 Lain-lain Pejabatan Kerajaan

Perkataan 'pejabatan' digunakan di sini kerana unit-unit pentadbiran yang akan dibincangkan adalah merupakan cawangan-cawangan institusi atau agen pentadbiran kerajaan yang lebih besar. Langkap mempunyai sebuah pejabat pertanian yang menguruskan hal-hal pertanian di Mukim Changkat Jong seperti menetapkan jadual mengerjakan sawah padi dan menguruskan pemberian subsidi kerajaan kepada petani. Di samping ini, terdapat seorang Wakil RISDA di Langkap yang menguruskan penanaman semula getah dan kelapa sawit. Pejabatnya menduduki sebahagian dari Pondok Rukun Tetangga di Langkap pada waktu siang. Perkhidmatan pos dan talikom juga disediakan di Langkap. Pejabatan-pejabatan ini memberi satu signifikasi terhadap Langkap. Ia membolehkannya membentuk hubungan dengan kampung-kampung di sekitar. Ini akan dibincangkan dengan lebih lanjut dalam Bab empat.

Bagaimanapun, bukan semua urusan dengan kerajaan dapat diselesaikan di Langkap. Perkhidmatan seperti pemohonan paspot, pembayaran lesen tanah dan cukai tidak terdapat di Langkap. Ia terpaksa dilakukan di pejabat yang berkenaan di Teluk Intan. Di antara jabatan yang tidak ada wakil di Langkap ialah jabatan pelajaran, pendaftaran, penerangan dan pemungut hasil dalam negeri. Kesemua-

Bahnya terdapat di Teluk Intan.

### 3.1 Pengaruh

Betulah munition pentadiburu di Langkap, bat ini akan membawa angin berlage, sejak masa dalam komuniti Gini, sepele-sepele ini kerana sekali corak ekonomi, kugitan politik, kegiatan sosial dan keperoayahan. Dari kajian ke atas sepele-sepele ini, berapa kesimpulan dapat dibuat. Ingat saja maklumat diatas bahawa sebahagian sepele-sepele ini sebenarnya adalah baik, fokus pun diberi kepada ciri-ciri yang menarik. Sekiranya bukan berlaku pada masa ketika itu, mungkin ia akan berlaku.

### 3.2 Mononi

Borang pendatang baru mendiami Langkap dari perjalanan Teluk Intan ke Ipoh atau sebaliknya, besar kemungkinan akan berpendapat bahawa kebanyakannya tidak Langkap terlibat dalam pertanian jenis kelapa sawit. Ia adalah kerana di sepanjang jalan itu, terdapat banyak orang datang sawit. Anggapan ini adalah benar tetapi tidak sepai keseksuaianya. Sebilangan besar dari komuniti Gini di Langkap terlibat dalam bidang pertanian yang berbagai-bagai jenis (dianggarkan lebih dari 75%). Bidang yang kedua penting ialah pertanian. Pada tahap yang selebihnya terlibat dalam sektor berbagai tetapi sama ada dengan rakyat suatu atau kerajaan. Untuk membezakan sepele ini dengan lebih sistematik, ia dipusatkan kepada sebahagian.

Dalam halaman ini, kita lihat bahawa sepele-sepele ini, terdapat dua perkara yang perlu diingat. Pertama, ia bukanlah perkara yang

### Bab Tiga: TINJAUAN TERHADAP KOMUNITI CINA DI LANGKAP

#### 3.1 Pengenalan

Setelah meninjau pentadbiran di Langkap, bab ini akan membincangkan beberapa aspek utama dalam komuniti Cina. Aspek-aspek ini termasuklah corak ekonomi, kegiatan politik, kegiatan sosial dan kepercayaan. Dari kajian ke atas aspek-aspek ini, beberapa kesimpulan dapat dibuat. Ingin saya menekankan di sini bahawa walaupun aspek-aspek ini sebenarnya adalah luas, fokus cuma diberi kepada ciri-ciri yang menonjol.

#### 3.2 Ekonomi

Seorang pendatang baru yang melalui Langkap dari perjalanan Teluk Intan ke Ipoh atau sebaliknya, besar kemungkinan akan berpendapat bahawa kebanyakan penduduk Langkap terlibat dalam pertanian jenis kelapa sawit. Ini adalah kerana di sepanjang jalan itu, terdapat banyak estet kelapa sawit. Anggapan ini adalah benar tetapi tidaklah tepat keseluruhannya. Sebilangan besar dari komuniti Cina di Langkap terlibat dalam bidang pertanian yang berbagai-bagai jenis (dianggarkan lebih dari 75%). Bidang yang kedua penting ialah perniagaan. Penduduk yang selebihnya terlibat dalam sektor bergaji tetap, samada dengan pihak swasta atau kerajaan. Untuk membicarakan aspek ini dengan lebih sistematik, ia dipecahkan kepada bahagian.

Pertanian: Bagi kawasan padi, ada ketiga tiga buah daerah di Perak di mana bidang pertanian memainkan peranan yang paling aktif.<sup>10</sup> Ekonomi Langkap adalah berdasarkan kepada pertanian. Menurut anggaran Pejabat Pertanian Langkap, Mukim Changkat Jong meliputi kawasan seluas 28,000 ekar dan 21,453 ekar darinya adalah kawasan pertanian. Tiga jenis tanaman utama di Langkap ialah kelapa sawit, getah dan padi. Kawasan sekitar Langkap adalah sesuai untuk tanaman ini dan ramai penduduk tempatan memiliki kebun kecil kelapa sawit atau getah, iaitu biasanya dari 5-10 ekar. Satu ketika yang lalu, getah adalah tanaman utama. Kini tempatnya telah diambil alih oleh tanaman kelapa sawit. Ini adalah kerana harganya lebih stabil dan keadaan cuaca lebih sesuai untuknya. Tambahan pula, getah memerlukan masa tujuh tahun sebelum hasil boleh diperolehi sementara pokok kelapa sawit mengambil masa empat tahun sahaja. Dengan pelancaran skim bantuan subsidi untuk tanam semula getah atau kelapa sawit oleh RISDA, beberapa orang petani mengambil kesempatan ini.

Tanaman padi adalah salah satu dari jenis tanaman yang melibatkan sebilangan besar dari penduduk di kampung baru Langkap. Pada masa darurat, di bawah penempatan semula rancangan Briggs, kerajaan British telah memberi setiap keluarga Cina di kampung baru lima

10. Malaysia, Kementerian Kewangan Malaysia, Lapuran Pasaran Harta 1981, halaman 79.

ekar tanah bagi tanaman padi. Pada ketika itu, tanah itu bertaraf TOL. Selepas kemerdekaan Malaysia, taraf milik penuh telah diberi. Tanaman padi menjadi penting di Langkap bukan sahaja kerana ia mempunyai tanah sawah yang luas tetapi juga kerana ia mempunyai pengairan yang baik. Penghasilan padi bertambah dengan sistem tanaman dua kali setahun yang dimulakan pada tahun 1980, bantuan subsidi baja oleh kerajaan dan penggunaan jentera menuai padi serta kemudahan orang tengah. Padi ditanam untuk kegunaan sendiri dan juga untuk pasaran.

Kebun kelapa sawit dan getah biasanya dikerjakan oleh pemilik sendiri, jika kebun itu adalah kecil. Kadang-kadang, petani memerlukan bantuan tenaga buruh untuk menoreh getah, mengambil buah kelapa sawit, menanam semaihan padi dalam sawah dan menyebur racun serangga dan rumput. Petani yang memerlukan buruh tambahan ini akan mengupah buruh yang kebanyakannya terdiri dari orang-orang bukan Cina. Mereka bekerja dengan menerima upah harian yang ditentukan terlebih dahulu. Kerja buruh ini tidak tetap tetapi upah mereka adalah tinggi.

Selain dari tanaman wang di atas, terdapat segolongan kecil petani Cina yang menanam sayur-sayuran dan buah-buahan. Antaranya adalah senkuuan, kaoang panjang dan cabai serta limau nipis dan buah guawa. Ini ditanam mengikut permintaan dalam pasaran. Kebanyakan dari petani ini tidak mempunyai tanah sendiri. Sayur-sayuran ditanam di dalam kebun kelapa sawit dan getah yang mana pokoknya belum

besar. Beberapa orang petani pula menternak babi, biasanya antara 5-15 ekor pada satu kali. Babi ini adalah untuk pasaran tempatan dan merupakan kerja sampingan untuk petani.

Perniagaan: ~~perniagaan~~ di Langkap pada tahun 1977. Di sekitarnya terdapat tiga buah kedai yang dimiliki oleh orang India dan Melayu. Kedai-kedai ini cuma berfungsi memenuhi kehendak tempatan sahaja. Jenis perniagaan yang dijalankan termasuklah kedai runcit, kain dan pakaian, ubat Cina, gambar, restoran makanan dan sebagainya. Kebanyakan dari kedai-kedai ini diuruskan oleh orang-orang Khek dan Kantonis. Di samping ini, terdapat segolongan kecil yang menjaja makanan, minuman dan buah-buahan di sekitar pekan Langkap.

Beberapa jenis perusahaan secara kecil-kecilan juga dijalankan di Langkap. Untuk menampung pengeluaran kelapa sawit, sebuah kilang kelapa sawit didirikan di Langkap pada tahun 1974. Gabungan Perusahaan Minyak Langkap dimiliki oleh orang dari Kuala Lumpur dan ia mempunyai kapasiti untuk memproses 10,000 matrik tan minyak sawit sebulan. Selain, Pelawas, Begong dan Chikus. Keberadaan Langkap juga mempunyai dua buah perusahaan menternak ayam (poultry farms) di mana kira-kira 18-19,000 biji telur dikutip setiap hari. Ia juga mempunyai beberapa buah perusahaan tembakau yang mengeluarkan rokok mutu rendah untuk kegunaan orang-orang tua.

Tiap-tiap satunya mempunyai di antara 2-300 orang pekerja.

Pemilik salah sebuah kilang tembakau ini juga membuka sebuah kilang plastik dan belacan di Langkap. Sebuah perusahaan pembiakan babi (pig breeding farm) dimulakan pada tahun 1977. Ia menggunakan teknologi yang moden dan mempunyai kira-kira 6,000 ekor babi. 'Artificial insemination' dipraktikkan, di mana sperma babi yang bermutu tinggi diimpot dari Amerika. Perusahaan ini dibuka oleh orang Kampar.

Didapati, kebanyakan dari penduduk yang menjalankan perniagaan dan perusahaan di atas, adalah orang yang berada di Langkap. Mereka mampu mengembangkan aktiviti perniagaan mereka dan banyak melibatkan diri dalam kegiatan sosial Langkap. Beberapa dari mereka dilantik untuk menganggotai beberapa jawatankuasa pertubuhan sosial tempatan.

Pada tahun 1976, pihak berkuasa tempatan telah membenarkan perniagaan luar Langkap datang berkumpul dan menjual barang-barangan mereka pada tiap-tiap hari Rabu. Dengan yang demikian, tiap-tiap hari Rabu, Langkap akan terkenal dengan Rasar Rabu. Ia menarik ramai penduduk yang berdekatan untuk singgah pada hari itu, terutamanya penduduk dari Chui Chak, Pelawan, Degong dan Chikus. Kehadiran Pasar Rabu menjadikannya persaing kepada perniagaan tempatan.

Gina dan Cheng Beng. Kebiasaan dari mereka adalah kumis jalaki. Lain-lain:

Biasanya mereka kebali suatu senang di Langkap setelah beberapa Setelah membicarakan aspek-aspek pertanian dan perniagaan, tinggal

segolongan penduduk yang bekerja dengan bergaji tetap. Mereka terdiri dari guru, pegawai kerajaan dan kerani. Guru-guru ini dimaksudkan kepada mereka yang tinggal di Langkap. Kebanyakan dari mereka lebih suka tinggal di Kampar dan Teluk Intan yang mempunyai kemudahan yang lebih. Guru-guru yang tinggal di Langkap kebanyakannya mengajar di sekolah Cina. Dari segi kerja-kerja pekeranian pula, biasanya mereka terdiri dari kaum perempuan yang berpelajaran sekolah menengah. Bagaimanapun, peluang pekerjaan ini adalah terhad bilangannya.

#### Rumusan:

Dari kajian ke atas aspek ekonomi, beberapa kesimpulan boleh dibuat. Sebahagian besar dari penduduk Cina di Langkap terlibat dalam pertanian dan kebanyakannya mereka mempunyai kebun kecil sendiri. Bagaimanapun, penduduk kian bertambah sementara luas tanah adalah sama seperti dahulu. Belia-belia di Langkap tidak mempunyai tanah yang cukup untuk diusahakan. Peluang-peluang pekerjaan juga tidak cukup untuk menampung golongan belia Langkap dan ini mendorong mereka keluar untuk bekerja, khususnya di Singapura. Dianggarkan, kira-kira 30-40% dari belia Cina Langkap bekerja di luar bandar. Di Singapura, mereka melakukan kerja-kerja pembinaan dan mendapat gaji yang lumayan. Belia ini cuma balik ke Langkap hada hari-hari perayaan Cina seperti Tahun Baru Cina dan Cheng Beng. Kebanyakan dari mereka adalah kaum lelaki. Biasanya, mereka kembali untuk menetap di Langkap setelah beberapa

tahun bekerja di luar. Bagaimanapun, terdapat kes-kes di mana mereka menetap terus di Singapura dan balik sekali-sekala untuk melawat keluarga.

### 3.3 Pelajaran dan Pertubuhan Sosial

Dalam bahagian ini, aspek pelajaran dan pertubuhan sosial komuniti Cina dibincangkan bersama kerana ia saling berkaitan. Sedikit pengetahuan tentang persekolahan tempatan juga perlu untuk memahami beberapa organisasi tempatan. Langkap mempunyai tiga buah sekolah rendah iaitu SRJK St. Anthony (dahulu adalah sekolah aliran Inggeris), SRK Seri Langkap dan SRJK(C) Wah Keow. Di antara sekolah-sekolah ini, SRJK(C) Wah Keow (seterusnya akan disebut SR Wah Keow sahaja) mempunyai bilangan murid yang terbesar. Lebih dari 800 orang murid mendaftar di sekolah ini berbanding dengan 160 orang di SR St. Anthony dan 443 di SRK Seri Langkap. Murid-murid di SR Wah Keow terdiri dari anak-anak komuniti Cina di Langkap. Di samping sekolah-sekolah ini, terdapat sebuah sekolah menengah di Langkap yang mempunyai lebih dari 1,600 orang murid berdaftar. Murid-murid yang berjaya memasuki aliran sains selepas peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran dan yang berjaya mendapat tempat dalam tingkatan enam terpaksa melanjutkan pelajaran di Teluk Intan kerana sekolah ini tidak mempunyai kemudahan yang cukup. Guru-guru sekolah selain dilantik ke dalam jawatankuasa, biasanya Di antara keempat-empat buah sekolah ini, komuniti Cina memberi

sokongan yang lebih kepada SR Wah Keow. Sekolah ini berkait rapat dengan tiga buah pertubuhan sosial di Langkap iaitu Persatuan Ibubapa dan Guru SR Wah Keow (PIBG SR Wah Keow); Lembaga Pengurus SR Wah Keow dan Persatuan Murid-murid Tua SR Wah Keow. Setiap tahun, pertubuhan-pertubuhan ini menerima tidak kurang sumbangan kewangan dalam bentuk derma dari ibubapa murid-murid. Biasanya derma ini diberikan oleh mereka yang mampu semasa terdapat kematian atau perkahwinan. Dengan memberi derma ini, mereka bukan sahaja dipandang tinggi tetapi juga dapat membantu SR Wah Keow yang beraliran bahasa Cina ini. Dengan bantuan kewangan yang cukup, pertubuhan-pertubuhan ini dapat membuat pelbagai rancangan.

Di antara rancangan ini ialah program menaikkan taraf pelajaran murid-murid; membantu murid-murid yang miskin, menganjurkan ceramah tentang isu-isu semasa (seperti kempen anti-dadah) dan kerja-kerja membaiki bangunan sekolah yang lama itu. Keseluruhannya, dapat dikatakan, program menaikkan taraf pendidikan murid diberi perhatian yang paling banyak.

Dari segi kepimpinan pula, beberapa orang selalu dilantik ke dalam jawatankuasa pertubuhan-pertubuhan ini. Mereka merupakan golongan yang berada dan mempunyai kedudukan ekonomi yang stabil, samada dari golongan perniaga atau petani. Pengaruh mereka kuat kerana kemampuan mereka untuk memberi bantuan kewangan apabila diperlukan. Guru-guru sekolah selalu dilantik ke dalam jawatankuasa, biasanya sebagai setiausaha. Ini adalah kerana mereka lebih tahu tentang Belia Bersatu Malaysia, Sejawat Langkap (NBBM). Cabangan ini

seluk-beluk menjalankan urusan rasmi dan mesyuarat. Berbanding dengan PIBG sekolah-sekolah lain, PIBG SR Wah Keow merekodkan kehadiran ibubapa yang lebih memuaskan dalam mesyuarat-mesyuarat yang diadakan. Sambutan ibubapa atau komuniti Cina kepada sekolah ini mungkin lahir dari beberapa sebab.

Pertama, sekolah ini merupakan satu-satunya sekolah Cina di Langkap dan ia telah lama didirikan. Bahasa Cina iaitu Mandarin yang diutamakan dalam sekolah ini merupakan sebahagian dari kebudayaan orang Cina dan sokongan diberi kepada sekolah ini bagi mengekalkan identiti mereka. Kecenderungan ibubapa memberi keutamaan kepada bahasa Mandarin dapat dilihat dari kesudian mereka menghantar anak-anak mereka ke sekolah persendirian di Kampar dan Teluk Intan setelah anak-anak itu tamat sekolah rendah. Murid-murid ini terpaksa berulang-alik dari Langkap ke Kampar atau Teluk Intan setiap hari. Kedua, SR Wah Keow mempunyai pertalian dengan ibubapa atau komuniti Cina kerana sebilangan dari gurunya (18 dari 27 orang gurunya) tinggal di Langkap. Ini membolehkan interaksi berlaku dan hubungan yang rapat mudah terjalin. Di samping ini, terdapat ibubapa sendiri yang mendapat didikan sekolah rendah di SR Wah Keow dahulu. Alasan-alasan ini mungkin merupakan asas kepada hubungan baik antara SR Wah Keow dan komuniti Cina di Langkap.

Selain dari pertubuhan yang mempunyai pertalian dengan SR Wah Keow, sebuah lagi organisasi sosial tempatan yang aktif ialah Gerakan Belia Bersatu Malaysia, cawangan Langkap (GBBML). Cawangan ini

ini ditubuhkan oleh seorang ahli MCA tempatan pada tahun 1977.

Dari awal lagi, GBBML mempunyai pertalian dengan MCA cawangan Langkap dan hubungan ini kekal hingga ke hari ini. Dianggarkan, lebih dari 70% dari ahli GBBML juga adalah ahli MCA. Dengan melihat lapuran tahunannya, GBBML memang menjalankan banyak kegiatan setiap tahun. Sungguhpun demikian, GBBML menghadapi beberapa masalah dalam melaksanakan usahanya itu.

Khususnya pada dekad permulaan GBBML ditubuhkan, pertubuhan ini tidak berjaya menyakinkan penduduk tempatan tentang tujuan perjuangannya. Walaupun keadaan sudah bertambah baik sekarang, namun komuniti tempatan masih mengekalkan nilai-nilai lama.

Tidak semua ibubapa membenarkan anak-anak mereka menceburkan diri dalam pertubuhan sosial ini kerana hubungannya dengan MCA. Mereka beranggapan bahawa politik adalah merbahaya dan mungkin melanggar peraturan kerajaan sehingga boleh dihukum. Golongan ibubapa ini tidak sedar kepentingan aktiviti yang dilancarkan GBBML seperti pertandingan olahraga. Adalah juga jelas, dalam sebarang acara atau aktiviti sosial yang melibatkan komuniti tempatan, penglibatan kaum wanita adalah sangat kurang. Komuniti tempatan mempunyai anggapan bahawa kaum perempuan tidak seharusnya keluar selalu, terutamanya pada waktu malam kerana ini tidak manis dipandang orang. Umumnya, seseorang perempuan Cina di Langkap cuma mencapai status di mana kebebasan diberi, apabila ia sudah berkahwin. Mereka akan dipandang sebagai orang yang bertanggungjawab.

Selain dari GBBML dan organisasi yang berkaitan dengan SR Wah Keow, terdapat organisasi lain di Langkap. Ia tidak dibicarakan di sini kerana kurang aktif berbanding dengan yang telah dikemukakan di sini. Organisasi yang telah dibicarakan di sini juga mempunyai pertalian dengan parti-parti politik tempatan.

### 3.4 Politik

Bahagian ini akan membincangkan parti-parti politik di Langkap dengan memberi tumpuan kepada parti yang mewakili komuniti Cina, iaitu MCA (Malaysian Chinese Association). Secara rasmi, Langkap mempunyai empat buah cawangan parti politik yang berdaftar, iaitu MCA, GERAKAN (Gerakan Rakyat Malaysia), MIC (Malaysian Indian Congress) dan UMNO (United Malay National Organization). Kesemua cawangan ini wujud pada tahun 1950an dan 60an. Seperti yang pernah dikatakan terlebih dahulu, kecuali dalam pilihanraya tahun 1969, kesemua pilihanraya yang diadakan dalam kawasan yang memasuki Langkap dimenangi oleh calon Barisan Nasional.

Di antara parti-parti politik yang wujud di Langkap, komuniti Cina memandang kepada MCA untuk mendapatkan kepimpinan, berbanding dengan GERAKAN. GERAKAN di Langkap wujud pada nama sahaja. Ia tidak aktif dan berpengaruh di Langkap. Kebanyakan ahli MCA terdiri dari golongan belia dan MCA sering dikaitkan dengan GBBML. Lazimnya, belia tempatan akan menjadi ahli GBBML, kemudian mereka diserapkan ke dalam parti MCA. Kedua-dua pertubuhan

ini sebenarnya adalah saling berkaitan dalam ~~sejarah awal~~ GBBM. GBBM diasaskan oleh Datuk Dr. Neo Yee Pan, seorang pemimpin MCA Malaysia.

Menyentuh tentang hubungan MCA Langkap dengan pertubuhan-pertubuhan sosial yang berkaitan dengan SR Wah Keow, perhubungan ini adalah tidak licin. Pemimpin-pemimpin yang berkaitan dengan SR Wah Keow terdiri dari golongan yang lebih tua dan mereka mempunyai kedudukan ekonomi yang stabil. Sementara itu, pemimpin MCA terdiri dari golongan belia dan mereka menyokong dasar-dasar kerajaan. Di pihak SR Wah Keow pula, terdapat pemimpin-pemimpinnya yang tidak puas hati dengan dasar-dasar kerajaan, terutama yang menyentuh tentang dasar pelajaran (misalnya Sistem 3M). Dasar perjuangan yang tidak sealiran ini, iaitu satu pihak yang menyokong dasar kerajaan dan satu pihak hendak menegakkan kedudukan bahasa Cina, telah menjadi batu asas kepada perhubungan MCA dan persatuan-persatuan SR Wah Keow. Harus ditegaskan di sini, kedua-dua pihak ini tidak menunjukkan sebarang konflik terbuka. Mereka mengamalkan perhubungan yang formal dan saling hormat-menghormati apabila bertemu. Perselisihan di antara MCA dan pertubuhan sekolah ini sebenarnya wujud di kalangan beberapa orang pemimpin sahaja. Ia tidaklah serius sehingga merebak kepada ahli-ahli biasa atau komuniti Cina umumnya.

Dalam bab dua, ada disebut bahawa seorang ahli MCA cawangan Langkap

telah dilantik kepada Majlis Daerah Hilir Perak untuk mewakili penduduk Cina. Melalui wakil ini, komuniti Cina Langkap boleh mengadukan masalah mereka untuk dibawa ke mesyuarat majlis. Dalam bab satu, ada dikatakan bahawa semasa kajian ke atas komuniti Cina dilakukan, kira-kira 50 buah keluarga Cina di Langkap menghadapi masalah. Mereka tinggal di atas tanah TOL dan kerajaan hendak melaksanakan satu projek di situ. Dengan itu, mereka telah diminta supaya berpindah. Penduduk yang terlibat telah meminta pertolongan MCA dan secara tidak langsung, mengiktirafkan status dan kepimpinan MCA di Langkap. Beberapa mesyuarat telah diadakan di antara pihak-pihak yang terlibat dan kerajaan akhirnya bersetuju untuk memberi bantuan kepada penduduk yang terlibat. Kejayaan ini menguatkan lagi kedudukan MCA di Langkap.

Pada peringkat nasional, parti-parti politik UMNO, MCA dan MIC bergabung dan membentuk parti perikatan pada tahun 1955. Jika menurut 'Interest Theory',<sup>11</sup> parti-parti ini saling bergantungan dan bekerjasama untuk mencapai matlamat bersama, iaitu untuk mempercepatkan kemerdekaan Malaysia dan untuk menjamin kejayaan pada masa pilihanraya. Perhubungan mereka diasaskan demi keperluan bersama.

11. 'Interest Theory' menyarankan bahawa manusia mencapai matlamat mereka dengan kerjasama dan saling bergantungan. '...social order as resulting from a contract between men who find it in their interest to have some social arrangements.' Lihat, Cohen, Percy S., Modern Social Theory, Heinemann Educational Books Ltd., London, 1968, halaman: 23.

Perhubungan parti-parti politik di antara **UMNO, MCA dan MIC** di peringkat bawahan iaitu di Langkap, juga menunjukkan pola dan kecenderungan yang sama. Pemimpin parti-parti politik tempatan menghadkan perhubungan mereka setakat pada situasi-situasi formal sahaja. Interaksi informal di kalangan mereka tidak diamalkan. Apabila wujud situasi formal yang melibatkan mereka bersama seperti menyambut kedatangan pegawai tinggi kerajaan, kempen pilihanraya, mesyuarat rasmi bagi membincangkan projek-projek kerajaan dan sebagainya, pemimpin-pemimpin ini akan bertemu.

Tiap-tiap parti politik ini menjaga kepentingan komuniti yang mereka wakili sahaja. Bila komuniti Cina mempunyai masalah, MCA akan campur tangan dan UMNO tidak akan melibatkan diri, kecuali jika masalah itu berkaitan dengan komuniti Melayu. Mereka juga tidak cuba merapatkan hubungan mereka dengan interaksi informal seperti melakukan lawatan pada Hari Raya, Tahun Baru Cina dan Deepavali.

Kesemua ini mengimplikasikan bahawa parti-parti politik di peringkat bawah (MCA, UMNO dan MIC cawangan Langkap) menghadkan interaksi mereka kepada situasi formal untuk kepentingan bersama. Ia mencerminkan hubungan Parti Perikatan di peringkat nasional, di mana pemimpin-pemimpin Parti UMNO, MCA dan MIC bekerjasama dalam rangka Parti Perikatan untuk memelihara kepentingan masing-masing seperti yang dikemukakan dalam 'Interest Theory'.

### 3.5 Sistem Kepercayaan

Melainkan sebilangan kecil penduduk Cina yang menganut agama Kristian dan Buddha, komuniti Cina di Langkap menganut agama Cina. Seperti dalam kebanyakan masyarakat Cina di Malaysia, agama yang dianuti oleh komuniti Cina di Langkap dipanggil agama Cina. Ia merupakan satu sistem kepercayaan dan amalan yang diwarisi oleh masyarakat Cina dari generasi yang lebih awal. Sistem kepercayaan dan amalan ini merupakan campuran tiga ajaran atau falsafah utama iaitu Buddhisme, Taoisme dan Konfucianisme, setelah melalui satu proses evolusi yang panjang. Menurut Wing-tsit Chan, '... Chinese religion has not been the creation of a few individuals but a gradual evolution out of spiritual life of a great number of simple folk.'<sup>12</sup>

Terdapat dua jenis pemujaan oleh penganut agama Cina, iaitu pemujaan di rumah dan di tokong Cina. Sesebuah keluarga mungkin memuja beberapa tuhan yang dipanggil 'shen' oleh mereka.<sup>13</sup> Di antara 'shen' yang sering dipuja di rumah ialah Datuk Angkasa (Tien Kung atau 'Jade Emperor God'); Kuan Yin dan Tuhan Tanah (Tu-Ti). Pemujaan nenek moyang dilakukan oleh kebanyakan keluarga Cina.

12. Chan, Wing-tsit, Religion Trends in Modern China, Colombia University Press, New York, 1153. Halaman 136.

13. Elliot, Alan J.A., Chinese Spirit-Medium Cults in Singapore, London, LSE Monographs in Social Anthropology, No. 14, 1955. Halaman 28.

Komuniti Cina juga memuja 'shen' di beberapa tokong Cina yang berdekatan. Di antaranya adalah tokong Kuan Yin di Langkap dan Chui Chak, tokong Ho Sin Koo (Goddest of Lotus) di Kampar dan tokong Na Cha Sam Thai Tze (God of Third Dragon Son) di Teluk Intan. Lawatan dan pemujaan tokong-tokong ini dibuat oleh penganutnya pada harijadi 'shen'.

Sistem kepercayaan orang Cina sebenarnya mempengaruhi banyak aspek kehidupan komuniti Cina, terutama golongan yang lebih tua. Nasihat dari 'shen' selalu didapatkan dalam hal-hal perkahwinan, penyakit dan kematian. Malahan 'shen' dipercayai mempunyai kuasa untuk melindungi penganutnya dari bencana buruk. Nasihat 'shen' boleh didapati melalui tilikan (spirit-medium or block divination) di tokong-tokong. Pemujaan di rumah dan tokong Cina selalu dilakukan oleh kaum wanita. Seorang boleh menjadi wakil keluarganya dalam pemujaan. Selain dapat dituduh menyebabkan tidak baik perbuatan seseorang yang menggunakan dialek Cina, terdapat juga Langkap mempunyai sebuah tokong Cina di mana Kuan Yin menjadi tuhan utama di situ, di samping tuhan-tuhan yang lain. Selain dari mendapatkan nasihat dari Kuan Yin, seorang penganut agama Cina juga mengunjungi tokong Cina ini pada harijadinya. Menurut ceritanya, Kuan Yin mempunyai tiga harijadi. Perayaan untuk merayakan harijadi yang ketiga (hari ke sembilan belas dalam bulan sembilan mengikut kalenda lunar) dilakukan secara besar-besaran dan melibatkan seluruh komuniti Cina.

Setiap tahun, sebuah jawatankuasa yang mempunyai dua belas orang ahli dilantik atas persetujuan Kuan Yin melalui tilikan<sup>14</sup> bagi mengendalikan perayaan ini. Ahli-ahli akan mengutip wang dari penduduk Cina Langkap dengan membuat lawatan rumah ke rumah. Nama mereka yang memberi wang akan dicatat dan tiket diberi kepada mereka menurut jumlah wang yang diberikan.

Tiket itu adalah untuk mendapatkan tempat duduk dalam pertunjukan drama pentas (theatre) yang diadakan di hadapan tokong Kuan Yin sempena harijadi Kuan Yin. Pertunjukan ini mengambil 5-8 hari. Bayaran untuk satu malam adalah di antara \$1,500 - \$1,800/-, bergantung kepada dialek yang digunakan. Tiga dialek tempatan digunakan untuk pertunjukan ini, iaitu Teow Chiew, Hokien dan Kantonis yang mengikut giliran satu tahun satu. Sungguhpun sebilangan besar dari komuniti Cina di Langkap adalah orang Khek, pertunjukan sedemikian tidak dapat diadakan kerana tidak ada pertunjukan tersebut yang menggunakan dialek Khek. Terdapat juga penganut yang mampu dan berasa Kuan Yin telah memenuhi permintaannya pada tahun itu. Dengan itu, penganut itu mungkin menjadikan sebuah pertunjukan.

Agama Cina adalah satu sistem kepercayaan yang longgar dan mudah disesuaikan dengan kehendak penganutnya. Terdapat penduduk Cina Langkap yang memuja 'shen' agama Cina, di samping memuja tuhan-

14. Prosesnya adalah sama seperti yang dijelaskan oleh Elliot, Ibid., halaman 41.

Bab agama Hindu. Langkap mempunyai sebuah kuil Hindu, iaitu Kuil Subramaniam. Setiap tahun, perayaan Vaisagavissagam diadakan secara meriah. Tidak kurang penduduk Cina yang turut menyambut perayaan ini dan memuja Dewa Subramaniam pada hari itu.

Langkap, bab ini akan mengkaji dua aspek lagi, iaitu hubungan Komuniti Cina mempunyai banyak perayaan setiap tahun dengan Tahun Baru Cina sebagai perayaan yang paling penting. Pada perayaan ini, golongan belia Cina yang bekerja di luar Langkap akan kembali untuk bersama dengan keluarga. Cheng Beng adalah satu lagi perayaan yang memberi peluang kepada mereka untuk mengambil cuti untuk bersama dengan keluarga.

Kesimpulannya, dapat dikatakan bahawa sistem kepercayaan komuniti Cina di Langkap iaitu agama Cina, mempengaruhi banyak aspek kehidupan penganutnya. Ia bukan sahaja berfungsi memberi pengaruh tempat melahirkan hasrat, tetapi juga mendapatkan 'nasihat' dan memberi tujuan anggota masyarakat untuk berkumpul bersama. Mengikut hubungan di antara satu sama lain, jika merujuk kepada Feta II, boleh diperhatikan bahawa sebahagian besar dari penduduk Cina tinggal di kawasan pekan dan kampung baru Langkap. Orang-orang Melayu pula menduduki kawasan selatan Langkap, iaitu jalan menuju ke Teluk Intan dan di pinggir pekan. Sama beberapa keluarga yang terlibat dalam perniagaan rumit sahaja yang tinggal di pekan. Orang-orang India pula didapati membuat penempahan di kawasan pendudukan Langkap yang berdekatan dengan kawasan

## Bab Empat: HUBUNGAN KOMUNITI CINA DENGAN KOMUNITI LAIN

### 4.1 Pengenalan

Setelah meninjau beberapa aspek komuniti Cina yang khusus di Langkap, bab ini akan mengkaji dua aspek lagi, iaitu hubungan komuniti Cina Langkap dengan komuniti lain di Langkap dan di sekitar Langkap. Komuniti Cina yang dikaji ini tidak dapat hidup berasingan dan mempunyai banyak hubungan dengan komuniti lain di sekitarnya. Hubungan ini menunjukkan pola-pola yang tertentu dan setelah dikaji, dapat dilihat bahawa beberapa situasi dalam peringkat yang berbeza melahirkan.

### 4.2 Hubungan dengan Komuniti Bukan Cina di Langkap

Sebenarnya sedikit dari bahagian ini telahpun disentuh dalam bab-bab yang lepas, walaupun ia tidak diberi penekanan. Sebagai sebuah masyarakat Langkap yang tinggal bersama dalam sebuah kawasan yang kecil, penduduk berbilang etnik tidak dapat elak dari mengwujudkan hubungan di antara satu sama lain. Jika merujuk kepada Peta 11, boleh diperhatikan bahawa sebahagian besar dari penduduk Cina tinggal di kawasan pekan dan kampung baru Langkap. Orang-orang Melayu pula menduduki kawasan selatan Langkap, iaitu jalan menuju ke Teluk Intan dan di pinggir pekan. Cuma beberapa keluarga yang terlibat dalam perniagaan runcit sahaja yang tinggal di pekan. Orang-orang India pula didapati membuat penempatan di kawasan pendalaman Langkap yang berdekatan dengan kawasan

pertanian. Tidak sampai sepuluh keluarga dari mereka tinggal di pekan.

ETNIK	LELAKI	PEREMPUAN	JUMLAH
Cina	416	415	831

Komuniti Melayu di Langkap bekerja dalam sektor pertanian, kerajaan dan perniagaan. Kira-kira 25% dari mereka terlibat dalam pekerjaan usaha sendiri seperti perniagaan kedai runcit, gerai menjual minuman dan makanan serta menjual sayur-sayuran. Kira-kira 25% lagi bergantung kepada bidang pertanian dan mengusahakan kebun sendiri.

Komuniti Kelayu yang selebihnya pula berkhidmat dengan kerajaan dengan bergaji tetap atau mengambil upah harian dengan bekerja dalam estet atau kebun tempatan. Bagi komuniti India pula, kebanyakannya dari mereka bekerja sebagai buruh dalam estet-estet yang berdekatan dengan Langkap. Mereka juga bekerja sebagai pekerja kilang dan membuka kedai runcit.

Terdapat lima peringkat atau situasi yang membawa kepada hubungan komuniti Cina dan bukan Cina di Langkap. Ia adalah berdasarkan kepada institusi-institusi sosial tertentu seperti pendidikan,

ekonomi dan politik.

Melalui institusi pendidikan, terutamanya SM Datuk Sagor, murid-

murid berbilang etnik diberi peluang untuk bergaul dalam aktiviti sekolah yang sama. Sekolah ini mempunyai 1,627 orang murid pada

Januari 1983. Jika dipecahkan mengikut etnik, bilangan murid

adalah seperti dalam Jadual IV:

perlakuan di templat penarikan. Langkap mempunyai sebuah pasar yang

ETNIK	LELAKI	PEREMPUAN	JUMLAH
Cina	416	415	831
Melayu	374	332	706
India	59	31	90
JUMLAH	849	778	1,627

Jadual IV: Bilangan murid mengikut etnik dan jantina di Sek. Men. Datuk Sagor Langkap yang didaftar pada Januari 1983.

Selain dari menghadiri sekolah seperti yang ditetapkan, cuma sebilangan kecil murid sahaja yang terlibat dalam aktiviti luar sekolah seperti sukan dan pertubuhan sukarela yang dianjurkan di sekolah. Didapati penglibatan dalam aktiviti ini ada membayangkan peranan etnik. Misalnya, hampir kesemua ahli Pandu Puteri dan pengakap adalah murid Melayu. Murid-murid Cina dan India lebih gemar memasuki Persatuan Bulan Sabit Merah, yang mana guru pengawasnya juga adalah seorang India. Didapati juga, murid-murid berbilang etnik tidak mengekalkan hubungan mereka setelah meninggalkan bangku sekolah. Demikian juga, murid-murid di sekolah tidak melanjutkan perhubungan di luar sekolah. Kesimpulannya, perhubungan etnik di peringkat sekolah adalah secara formal sahaja dan ianya wujud kerana wujudnya institusi sekolah yang membawa mereka bersama.

Pada peringkat kedua, perhubungan komuniti Cina dan bukan Cina berlaku di tempat pasaran. Langkap mempunyai sebuah pasar yang

menjual sayur, ikan dan daging. Di luar pasar, terdapat gerai-gerai sementara yang cuma dibuka pada sebelah pagi dan kadang-kadang petang. Gerai-gerai ini didirikan oleh orang Cina, Melayu dan India tempatan. Pada hari-hari Pasar Rabu, banyak gerai-gerai sementara ini dibuka oleh orang-orang Melayu. Lazimnya, orang yang mengunjungi pasar adalah kaum wanita. Situasi di tempat pasaran Langkap memberi peluang kepada komuniti Cina dan bukan Cina untuk berinteraksi sambil membuat perniagaan.

Perhubungan etnik pada peringkat ini wujud semasa berlaku pertukaran barang dan wang. Tempat pasaran Langkap juga adalah merupakan tempat pembeli dan penjual menukar khabar tempatan yang terbaru. Seseorang yang sering mengunjungi pasar akan dikenali orang, terutama penjual sayur. Hubungan mudah terjalin, terutama di kalangan komuniti Cina sendiri. Bagi pembeli Melayu dan India, walaupun hubungan terjalin, tetapi ia adalah tidak mesra. Pembeli juga didapati tidak memilih penjual berdasarkan etnik. Seseorang penjual lazimnya mempunyai pelanggan yang tetap. Pembeli pula pergi kepada penjual yang selalu menawarkan harga yang paling berpatutan kepadanya.

Perhubungan etnik di Langkap pada peringkat ketiga berlaku di antara golongan pekerja dan majikan. Dalam bab ketiga bahagian 3.2, ada disebut bahawa ekonomi Langkap adalah berlandaskan pertanian dan banyak tenaga buruh dalam sektor ini datang dari buruh Melayu dan India, di samping buruh Cina. Situasi di mana

tenaga buruh ini diperlukan telah melahirkan perhubungan etnik di Langkap, di antara pekerja dan majikan. Di antara ketigatiga peringkat perhubungan etnik yang telah dibicarakan, didapati dalam peringkat ini, perhubungan etnik adalah paling mesra.

Majikan dan pekerja meziarahi rumah yang lain pada hari-hari perayaan.

Perhubungan mereka lebih bercorak formal. Komuniti-komuniti

Perhubungan etnik tempatan juga dapat dilihat di antara kakitangan kerajaan dengan penduduk tempatan. Seperti yang telah dinyatakan dalam bab yang lebih awal, pejabat-pejabat kerajaan wujud di Langkap dan juga di Teluk Intan. Sebahagian besar dari kakitangan kerajaan yang berkhidmat di situ terdiri dari orang Melayu. Komuniti tempatan khususnya mereka yang membuat urusan-urusan rasmi seperti pembayaran bil letrik, air dan cukai, akan mewujudkan perhubungan. Perhubungan etnik pada peringkat keempat ini adalah formal dan hampir tidak membawa apa-apa makna.

Digong dan Chikus. Majoriti penduduk dalam komuniti ini adalah Perhubungan etnik Langkap yang berlaku dalam situasi atau peringkat kelima membayangkan keperluan politik tempatan dan nasional. Ini adalah kerana dasar politik tempatan ditentukan oleh dasar politik pada peringkat nasional. Ini telahpun dibincangkan dalam bahagian 3.3. Pemimpin-pemimpin parti UMNO, MCA dan MIC bekerjasama hasil dari lahirnya keperluan bersama. Mereka bekerjasama dalam pelbagai aspek terutama sekali dalam bidang pentadbiran tempatan dan dalam kempen pilihanraya. Perhubungan mereka adalah lebih terhad kepada pemimpin-pemimpin tempatan sahaja dan bercorak

formal. Ahli-ahli parti politik ini cuma berinteraksi apabila wujud projek atau rancangan yang melibatkan mereka. Kesimpulannya, institusi-institusi sosial, pendidikan, ekonomi dan politik berperanan mewujudkan situasi untuk membolehkan komuniti Cina dan bukan Cina di Langkap untuk berinteraksi. Perhubungan mereka lebih bercorak formal. Hormat-menghormati dipentingkan dan toleransi dipelihara. Boleh juga dikatakan, konflik etnik tidak wujud, atau tidak ditunjukkan secara terbuka. Pemimpin tempatan yang berbilang etnik dapat mengawal keadaan dan memelihara keamanan.

#### 4.3 Hubungan dengan Komuniti di sekitar Langkap

Komuniti sekitar Langkap yang dimaksudkan di sini adalah penduduk petempatan-petempatan kecil yang terletak tidak lebih 5 batu dari Langkap. Ia termasuk Kg. Chui Chak, Kg. Pelawan, Kg. Goh Hong, Digong dan Chikus. Majoriti penduduk dalam kawasan ini adalah orang Cina, kecuali di Degong dan Chikus.

Kg. Chui Chak mempunyai banyak persamaan dengan Langkap dari segi ekonomi dan organisasi politik. Ia mempunyai kira-kira 4,000 orang penduduk. Kg. Goh Hong pula mempunyai kira-kira 3,000 orang penduduk sementara Kg. Pelawan mempunyai kurang dari 1,000 orang penduduk. Degong dan Chikus adalah dua buah petempatan orang Melayu dan masing-masing mempunyai kurang dari 1,000 orang penduduk. Komuniti di sekitar Langkap ini mempunyai perhubungan

yang terjalin rapat dengan penduduk Langkap, khususnya komuniti Cina. Perhubungan ini diikat oleh aspek-aspek pelajaran, ekonomi, perkahwinan dan pentadbiran kerajaan tempatan serta pertubuhan sosial. Untuk memudahkan pembicaraan, bahagian ini akan dilihat dalam empat peringkat.

Peringkat pertama, peranan institusi pendidikan yang bukan sahaja bertindak sebagai agen untuk perhubungan etnik tetapi juga untuk memberi asas kepada menjalinya perhubungan di antara komuniti dari dalam dan luar Langkap. Setelah tamat sekolah rendah, murid-murid di sekitar petempatan Langkap dan juga Langkap sendiri, akan dihantar ke SM Datuk Sagor untuk melanjutkan pelajaran.

Di sana, murid-murid dari kawasan yang berbeza berinteraksi dalam aktiviti sekolah yang sama. Setelah meninggalkan bangku sekolah, lazimnya didapati murid Cina dari Langkap mengekalkan hubungan dengan murid Cina dari Chui Chak dan Pelawan serta Kg. Goh Hong. Demikian juga, murid Melayu tempatan masih mengekalkan pertalian dengan murid Melayu dari Chikus dan Degong. Perhubungan ini adalah berlandaskan etnik.

Walaupun Langkap terletak dalam kawasan luar bandar, namun ia memainkan peranan sebagai pusat aktiviti untuk petempatan di sekitarnya. Ia mempunyai beberapa kemudahan yang diperlukan oleh komuniti di sekitarnya. Di antara kemudahan itu adalah bank, kilang kelapa sawit, pusat kesihatan, dan stesen minyak. Pejabat-pejabat kerajaan seperti pejabat pos tidak terdapat dalam

petempatan yang telah disebutkan di atas dan komuniti yang terlibat terpaksa mendapatkan perkhidmatan dari Langkap. Selain dari itu, untuk melaksanakan urusan-urusan kerajaan yang lebih penting, mereka akan pergi ke Teluk Intan dan perjalanan ini akan membawa mereka ke Langkap untuk menukar bas dan sebagainya. Kesemua kemudahan ini telah menyebabkan komuniti sekitar Langkap singgah di Langkap dan hubungan terjalin. Selain dari ini, Pasar Rabu yang diadakan di Langkap juga merupakan satu faktor penarik yang membawa mereka ke Langkap. Kerap juga mereka dengan sengaja melakukan urusan yang membawa mereka ke Langkap pada hari Rabu. Hubungan pada peringkat kedua ini adalah paling berkesan di antara komuniti Langkap dengan komuniti dari sekitarnya.

Satu lagi peringkat yang efektif untuk membawa komuniti ini bersama ialah aktiviti pertubuhan sosial masing-masing. Selain dari Langkap, Kg. Chui Chak dan Goh Hong mempunyai cawangan Persatuan Gerakan Belia Bersatu Malaysia. Pemimpin-pemimpinnya melakukan banyak rancangan bersama seperti pertandingan dalam sukan, lawatan dan kursus anjuran bersama yang dibuka untuk ahli-ahli mereka. Biasanya penglibatan dalam aktiviti ini adalah berat kepada orang Cina. Belia Melayu sering dijemput untuk mengambil bahagian, khususnya dalam acara olahraga dan sukan. Belia Melayu ini mewakili Gerakan Belia 4B cawangan Langkap dan ia dibuka kepada belia Melayu dari Langkap, Chikus dan Degong. Dalam aktiviti bersama ini, belia dari Langkap dan sekitarnya dapat bergaul dan memupuk persefahaman dan kerjasama di kalangan mereka.

Peringkat yang keempat dan terakhir wujud hasil dari ikatan perkahwinan dan kekeluargaan. Di kalangan komuniti Cina dari Langkap dan sekitarnya, berlaku banyak perkahwinan dan ini mengeratkan lagi hubungan penduduk yang terlibat. Perkahwinan melanjutkan pertalian kepada hubungan darah. Sebenarnya, dalam aspek perkahwinan, peranan etnik adalah juga penting. Di Langkap, tidak terdapat kes perkahwinan campur di antara komuniti Cina dan Melayu. Perkahwinan campur di antara orang Cina dan India memang wujud tetapi melibatkan satu pasangan sahaja semasa kajian dijalankan. Secara perbandingan, perkahwinan di antara kawasan berlaku dengan kadar yang jauh lebih tinggi dari perkahwinan di antara etnik.

Dari kajian terhadap aspek perhubungan ini, Langkap memang menjadi pusat kecil yang mana komuniti di sekitarnya sering membuat singgahan di Langkap samada untuk tujuan sosial atau rasmi. Ia mempunyai kemudahan yang diperlukan oleh komuniti itu. Kajian juga mendapati bahawa perhubungan ini membayangkan peranan etnik dalam mencorakkannya. Komuniti Melayu di Langkap mempunyai hubungan yang erat dengan komuniti di Degong dan Chikus yang mana majoriti penduduknya adalah orang Melayu. Sementara itu, komuniti Cina di Langkap mengekalkan hubungan yang lebih rapat dengan penduduk Kg. Chui Chak, Pelawan dan Kg. Goh Hong yang didominasi oleh orang Cina.

Bab Lima: ANALISA DAN KESIMPULAN

### 5.1 Pengenalan

Dalam bab penghabisan ini, satu analisa akan dibuat untuk membandingkan beberapa perkara yang telah dikaji oleh saya dan juga oleh beberapa orang pengkaji komuniti Cina di kampung baru. Perkara atau aspek yang akan dikaji semula dengan lebih mendalam ini adalah penghijrahan belia kampung baru ke luar untuk mencari kerja; sikap ibubapa atau komuniti Cina umumnya terhadap pelajaran anak-anak mereka; dan aspek kepimpinan tempatan, samada dalam organisasi sosial atau politik. Selepas itu, kesimpulan akan dibuat.

Penemuan yang diperolehi oleh empat orang pengkaji komuniti Cina yang akan digunakan oleh saya dalam bab ini adalah penemuan oleh R. Nyce, W.H. Newell, J. Strauch dan F. Loh.<sup>15</sup> Terlebih dahulu, sedikit penerangan ringkas tentang latar kajian-kajian ini diberikan untuk memudahkan pemahaman.

- 
15. Nyce. R., Chinese New Villages in Malaya: a community study, (Singapore: Malayan Sociological Research Institute Ltd.) 1973; Newell, W.H., Treacherous River: a study of rural Chinese in north Malaya, (Kuala Lumpur: University of Malaya Press), 1962; Strauch, J., Sanchun, Malaysia: Local-level politics in a rural Chinese town, (Michigan: Ann Arbor, University Microfilms), 1975; Loh, F.K.W., Beyond the tin mines: the political economy of Chinese squatter farmers in the Kinta New Villages, Malaysia, (Michigan: Ann Arbor, University Microfilms), 1980.

Newell berpengalaman dalam membuat kajian di negeri Cina sebelum mengkaji kampung baru di Seberang Prai, Pulau Pinang. Tempoh penyelidikan beliau mengambil masa satu tahun, iaitu pada tahun 1955. R. Nyce adalah seorang mubaligh Kristian. Beliau mengutip data tentang beberapa buah kampung baru Cina semasa menjalankan tugas sahaja, iaitu di antara tahun 1957-1961. Kawasan kajian beliau meliputi beberapa kampung baru di sekitar Kuala Lumpur dan Ipoh. Strauch telah melakukan kajian ke atas komuniti Cina di Sanchun, sebuah kampung baru di selatan Perak. Kajian beliau mengambil masa 18 bulan iaitu di antara 1971-1972. Tempat kajian Francis Loh adalah kampung-kampung baru Cina di daerah Kinta, Perak. Beliau telah juga menghabiskan masa antara Januari hingga Ogos 1978 bersama-sama dengan penduduk Wu Nai, sebuah kampung baru di Kinta.

Kelima-lima kajian ke atas komuniti Cina di luar bandar (kajian yang tersebut di atas dan kajian saya) mempunyai dua persamaan utama. Kajian-kajian ini dilakukan ke atas komuniti Cina di kampung baru yang wujud di bawah Rancangan Briggs. Kampung baru itu kesemuanya terletak di barat Semenanjung Malaysia, iaitu di bahagian utara, termasuk negeri Perak, Pulau Pinang dan Selangor. Satu lagi persamaan terletak pada ekonomi kampung baru ini. Ekonomi kampung ini adalah berdasarkan kepada pertanian. Perbezaan kami mungkin terletak pada jangka masa kajian dijalankan. Newell dan Nyce melakukan kajian pada tahun 1950an dan awal 60an sementara Strauch dan Loh mengkaji komuniti Cina pada awal dan lewat 70an. Kajian saya adalah berdasarkan keadaan awal 80an.

Aspek-aspek yang ditumpukan dalam kajian kami juga adalah berbeza walaupun terdapat banyak persamaan.

### 5.2 Penghijrahan Belia

Strauch dan Loh telah mendapati bahawa kekurangan tanah untuk diusahakan telah mengurangkan peluang pekerjaan untuk golongan belia.<sup>16</sup>

Fenomena kekurangan tanah ini telah mendorong ramai belia dalam lingkungan umur pekerja untuk mencari kerja di luar kampung baru, dan ini juga terjadi di Langkap. Ramai belia dalam lingkungan umur 18-30 tahun berhijrah ke Singapura dan mendapatkan pekerjaan dalam bidang pembinaan. Golongan ini biasanya cuma berjaya menerima pelajaran setakat sekolah menengah rendah.

Penduduk tempatan kian menambah semenjak pembukaan kampung baru. Akan tetapi tidak ada projek pembangunan yang dilancarkan untuk menyerap tenaga buruh yang ada. Belia yang keluar bekerja ini biasanya cuma balik ke kampung pada hari-hari perayaan Cina yang penting. Setelah bekerja beberapa tahun di luar, mereka biasanya kembali untuk membantu atau mewarisi kerja ibubapa yang telah tua. Bagaimanapun, ramai belia yang terus menetap di Singapura dan mendirikan rumah tangga di sana. Perkembangan ini juga mempengaruhi struktur kepimpinan tempatan, di mana teraju pimpinan terserah kepada golongan yang lebih tua.

17. *Ibid.*, halaman 136-134 dan Nyos, halaman 101-110.

18. *Op. cit.*, Loh, halaman 274, telah menyebut bahawa pendaftaran murid-murid di sekolah rendah di Wu Kai telah bertambah dari 182 orang pada tahun 1952 kepada 300 orang pada tahun 1966. Ini

16. *Ibid.*, Strauch, halaman 136-138 dan Loh, halaman 247-248.

### 5.3 Sikap terhadap pelajaran formal

Istilah pelajaran formal digunakan di sini kerana apa yang akan dibicarakan merupakan pelajaran yang diberikan kepada murid-murid di institusi formal seperti sekolah dan tadika. Pada tahun-tahun 1950an dan 60an, Newell dan Nyce menunjukkan bahawa komuniti Cina tidak menyedari kepentingan pelajaran anak-anak seperti yang pernah dikatakan sebelumnya. Langkap mengatakan di sekolah.<sup>17</sup> Nyce beranggapan bahawa kesudian ibubapa menghantar anak-anak mereka ke sekolah bergantung kepada jenis ekonomi mereka. Jika mereka bergantung kepada pertanian, biasanya ibubapa mengharapkan anak-anak mereka memberi bantuan, khususnya anak perempuan. Bagaimanapun, Newell juga memahami bahawa pelajaran pada masa itu, tidak menunjukkan kepentingannya. Malahan orang Cina itu ditulis pada tahun 1951 ia cuma mencapai lima huruf. Kedua-dua pengkaji ini juga mendapati hampir-hampir tidak ada anak tempatan Cina yang berjaya memperolehi pelajaran sekolah menengah.

Dari angka-angka di atas, jelas bahawa masyarakat Cina lebih suka menghantar anak-anak mereka ke sekolah. Sikan komuniti Cina Jika menurut kajian Strauch dan Loh<sup>18</sup> serta kajian saya, boleh walaupun berkenaan dengan sokongan kepada sekolah yang dikatakan bahawa pelajaran sudah mendapat perhatian serius. Semasa saya membuat penyelidikan luar, Langkap sudah mempunyai 33). Ibubapa yang wajpu dalam komuniti Cina juga mengantar

- 
17. Op. Cit., Newell, halaman 127-134 dan Nyce, halaman 101-110.
18. Op. Cit., Loh, halaman 274, telah menyebut bahawa pendaftaran murid-murid di sekolah rendah di Wu Nai telah bertambah dari 182 orang pada tahun 1952 kepada 300 orang pada tahun 1966. Ini meningkat lagi pada tahun 1978 kepada lebih dari 500 orang.

dua buah tadika. Sejumlah 128 orang kanak-kanak menghadiri kelas pra-sekolah ini dan dari jumlah ini, 109 orang adalah kanak-kanak Cina. Perkembangan tadika dapat dianggap sebagai lambang kesedaran masyarakat Cina Langkap terhadap kepentingan pelajaran sekolah, khususnya di kalangan yang mampu. Ibu. Razali Ibbapa mempunyai anggapan bahawa seolah di kalangan ini adalah lebih Seperti yang pernah dikatakan terlebih dahulu, Langkap mempunyai tiga buah sekolah rendah iaitu dua buah sekolah aliran Melayu dan sebuah sekolah rendah Cina. SRK St. Anthony mempunyai 22 orang murid Cina dari sejumlah 160 orang muridnya pada tahun 1983. SRK Seri Langkap pula mempunyai 448 orang murid dan tidak seorang darinya adalah murid Cina. Apabila SR Wah Keow yang beraliran Cina itu dibina pada tahun 1934, ia cuma mempunyai kira-kira 20 orang murid. Pada tahun 1983 ia mempunyai 814 orang murid dan cuma seorang sahaja adalah murid Melayu.

Dari angka-angka di atas, jelas bahawa masyarakat Cina lebih suka menghantar anak-anak mereka ke sekolah Cina. Sikap komuniti Cina yang memberi bantuan kewangan dan sokongan kepada sekolah yang sama telah saya jelaskan dengan memberi beberapa sebab (halaman 33). Ibuapa yang mampu dalam komuniti Cina juga menghantar anak-anak mereka untuk mendapatkan kelas tambahan (tuition). Ini juga membayangkan kesedaran mereka akan kepentingan pendidikan.

Setelah tamat sekolah rendah Cina, murid-murid itu melanjutkan pelajaran di sekolah menengah di Langkap. Majoriti murid-murid

berbuat demikian. Sungguhpun demikian, terdapat segolongan kecil ibubapa yang mampu menghantar anak-anak mereka ke sekolah kerajaan di Teluk Intan. Sekolah-sekolah di Teluk Intan itu juga memberikan pelajaran seperti SM Datuk Sagor di Langkap. Perbezaannya terletak pada kemajuan sekolah itu. Ramai ibubapa mempunyai anggapan bahawa sekolah di Teluk Intan adalah lebih baik berbanding dengan sekolah menengah di Langkap. Memang benar bahawa pencapaian murid-murid yang dihantar untuk belajar di Teluk Intan adalah baik. Pada pendapat saya, kebanyakan murid-murid itu sebenarnya mempunyai didikan asas yang baik semasa dalam sekolah rendah. Keadaan ekonomi ibubapa mereka adalah baik dan ini membolehkan mereka mendapat perhatian dan galakan yang cukup dari ibubapa. Sebaliknya, murid-murid miskin terpaksa berusaha lebih. Walaupun ramai murid di sekolah menengah Langkap gagal dalam peperiksaan SRP dan SPM setiap tahun, namun ada juga yang mencapai kejayaan yang cemerlang. Bagaimanapun, peratusan golongan ini adalah kecil.

Menurut Francis Loh menghubungkan kegagalan murid-murid Wu Nai di sekolah menengah dengan kelemahan mereka dalam bahasa Malaysia.<sup>19</sup> Alasan ini boleh juga dipakai dalam konteks SM Datuk Sagor. Pencapaian murid-murid Cina dalam pelajaran adalah lemah kerana ketidakbolehan mereka memahami apa yang diajar di sekolah. Enam tahun di sekolah

19. Ibid., Loh, halaman 279.

19. Ibid., Loh, halaman 279. Wu Nai adalah seorang guru Cina di Sekolah Rendah Tiongkok di Langkap, Selangor. Ia terdiri daripada tiga buah sekolah, iaitu Sekolah Rendah Tiongkok (SRT) di Petaling Jaya, Kampung Baru dan di Petaling Jaya.

rendah beraliran bahasa Cina terlalu memberatkan bahasa Cina. Peratusan murid yang gagal ini telah mendorong segolongan kecil ibubapa yang mampu untuk menghantar anak-anak mereka ke sekolah persendirian di Teluk Intan, Kampar dan Ipoh.<sup>20</sup> Ada dari mereka yang berulang-alih setiap hari dari Kampar atau Teluk Intan ke Langkap. Yang lain pula menyewa bilik di Ipoh. Dengan menghantar anak-anak mereka ke sekolah persendirian yang beraliran Cina itu, ibubapa berharap anak-anak mereka dapat kejayaan dalam pelajaran. Keseluruhanya, dapatlah dikatakan bahawa komuniti Cina kini memberi perhatian yang serius kepada masa depan anak-anak mereka melalui pelajaran. Kejayaan dalam pelajaran juga boleh menjadi alat bagi mendapatkan kedudukan yang baik dalam pekerjaan.

#### 5.4 Kepimpinan tempatan dan faktor-faktor berkaitan

Beralih kepada aspek kepimpinan peringkat bawahan, Strauch dan Loh memberi huraian yang panjang lebar dalam aspek ini. Berdasarkan kajian saya di Langkap, saya ingin menurunkan beberapa kesimpulan. Dua fokus diberi kepada kepimpinan tempatan iaitu dalam organisasi sosial dan politik.

Kepimpinan dalam organisasi sosial dan politik di Langkap menunjukkan corak yang berbeza walaupun ia tidak boleh dipisahkan

20. Sekolah-sekolah persendirian itu adalah: SM (Suwa) San Min, Teluk Intan; ST (Suwa) Pei Yuan, Kampar; dan ST Poi Lam (Suwa) Ipoh.

sebagai dua perkara yang berbeza sama sekali. Perbezaannya wujud dari segi keanggotaan dan kedudukan pemimpinnya. Organisasi politik pada peringkat bawahan di Langkap juga membayangkan perhubungan yang formal di antara komponen parti-parti Perikatan pada peringkat nasional.<sup>21</sup>

Augupan ini adalah benar sekali dalam konteks organisasi sosial. Seperti yang dikatakan, organisasi sosial yang penting dan berpengaruh dalam komuniti Cina di Langkap adalah berkaitan rapat dengan SR Wah Keow. Tiga buah organisasi yang ditubuhkan berdasarkan sekolah itu telahpun dikemukakan dalam bab tiga. Ketiga-tiga organisasi itu mempunyai hubungan rapat. Pemimpin-pemimpinnya bekerjasama dalam melaksanakan sesuatu aktiviti yang berkaitan dengan SR Wah Keow atau yang berkaitan dengan masyarakat Cina di Langkap umumnya. Orang-orang yang dipilih untuk menganggotai jawatankuasa organisasi ini terdiri dari orang yang mampu dan terlibat dalam bidang perniagaan. Lazimnya, mereka juga memiliki harta dalam bentuk tanah dan kedai. Tiga orang yang dipilih untuk menduduki jawatan pengurus untuk ketiga-tiga jawatankuasa di atas ialah Ong Ah See, Ong Kian Gee dan Lee Ming Kui. Mereka boleh dikatakan adalah orang yang terkaya di Langkap dan berpengaruh.

21. Op. Cit., Loh, halaman 266.

22. Ong Kian Gee adalah anak Ong Ah See. Mereka mempunyai kilang tentang tokoh-tokoh Sanchun, kedudukan mereka dalam komuniti Cina tembakau di Langkap. Lee Ming Kui pula memiliki kedai menjual minuman keras, perusahaan menternak ayam dan kebun kelapa sawit. Perlantikan mereka sebagai pengurus sebenarnya berkait rapat

dengan kedudukan kewangan mereka. Loh berpendapat, penglibatan dalam aktiviti komuniti adalah berasaskan kekayaan. Menurut beliau, "The well-to-do, of course, make such contributions and participate in such Committees to enhance their status and gain legitimacy as community leaders among the New Villagers."<sup>21</sup> Anggapan ini adalah benar sekali dalam konteks organisasi sosial Langkap. Ong anak dan bapa serta Lee berkeupaya memberi sumbangan kewangan kepada organisasi yang mereka wakili dan ciri ini merupakan faktor pemilihan pemimpin. Strauch dalam kajian beliau juga menamakan beberapa pemimpin yang berpengaruh di Sanchun. Di antara mereka ialah Lee Koi, Tan Siew Hing dan Chin Ta Hing.<sup>22</sup> Menurut Strauch, mereka dilantik untuk menganggotai beberapa jawatankuasa penting dalam aktiviti sosial Sanchun. Didapati pemimpin-pemimpin ini terdiri dari orang yang kaya dan mampu memberi bantuan kepada komuniti Cina.

Dalam organisasi sosial sekolah, guru juga memainkan peranan yang penting. Mereka selalunya dilantik menjadi setiausaha kerana kebolehan mereka menjalankan mesyuarat dan menyimpan rekod.

Selain dari organisasi yang berkaitan dengan sekolah, Langkap juga

21. Op. Cit., Loh, halaman 266.

22. Op. Cit., Strauch, halaman 178-196. Beliau memberi huraian tentang tokoh-tokoh Sanchun, kedudukan mereka dalam komuniti Cina dan kedudukan ekonomi mereka.

mempunyai beberapa organisasi sosial yang lain. Ia adalah berlandaskan dialek Cina. Bagaimanapun ia tidak memainkan peranan penting. Malahan ia cuma melibatkan segolongan kecil orang dan aktivitinya tidak meliputi komuniti seluruhannya.

Aktiviti politik komuniti Cina di Langkap fokus kepada parti MCA. Seperti yang telah disebut, GBBML berhubung rapat dengan MCA, walaupun ia adalah sebuah organisasi sosial. Terdapat tindihan anggota di mana 70% dari ahli GBBML juga menganggotai parti MCA cawangan Langkap. Pemimpin MCA cawangan Langkap juga mempunyai kedudukan yang agak baik dari segi ekonomi. Sungguhpun demikian, mereka tidak dapat menandingi pemimpin organisasi sekolah. Golongan ini adalah dari kalangan yang lebih muda.

Di antara pemimpin MCA cawangan Langkap, Tan Keng Hua adalah paling berpengaruh. Beliau adalah bendahari MCA cawangan Langkap dan adalah seorang pekedai. Sejak Majlis Daerah Hilir Perak ditubuhkan, beliau telah dilantik sebagai Ahli Majlis Daerah, iaitu wakil komuniti Cina dari Langkap. Penduduk tempatan yang mempunyai masalah yang berkaitan dengan pentadbiran kerajaan biasanya menemui Tan jika mereka tidak tahu cara menyelesaikannya. Di antara masalah yang selalu dibawa kepada beliau adalah masalah yang berhubung dengan tanah dan mengisi borang rasmi.

Umumnya, MCA cawangan Langkap tidak begitu aktif, kecuali pada masa-masa tertentu. Ia hanya memainkan peranan yang penting

apabila penduduk tempatan menghadapi masalah yang memerlukan perhatian kerajaan. Contoh ialah masalah di kawasan Lot 15 dan 28 yang dibincangkan dengan ringkas dalam bab tiga. Selain dari itu, pemimpin MCA Langkap hanya terlibat dalam kegiatan rasmi. Ia termasuklah menyambut kedatangan pegawai tinggi kerajaan; menghadiri perasmian pertandingan olahraga tempatan; menerima jemputan ke mesyuarat membincangkan projek kerajaan. MCA menjadi aktif juga pada masa menjelang pilihanraya. Dalam semua kegiatan rasmi yang tersebut di atas, ia juga melibatkan kehadiran pemimpin parti UMNO dan MIC cawangan Langkap. Ini menggambarkan perhubungan formal pemimpin MCA, UMNO dan MIC peringkat nasional juga diikuti oleh pemimpin peringkat bawahan di Langkap.

### 5.5 Kesimpulan

Kajian ini dilakukan ke atas komuniti Cina di Langkap, sebuah kampung baru yang sedang berkembang di luar bandar. Ia meliputi beberapa perkara yang dikaji dengan memberi tumpuan kepada beberapa aspek. Empat orang pengkaji iaitu Newell, Nyce, Strauch dan Loh telah juga membuat penyelidikan ke atas komuniti Cina di luar bandar. Kajian mereka adalah lebih menyeluruh dan mendalam. Banyak penemuan saya membuktikan lagi kajian Strauch dan Loh seperti penghijrahan belia untuk mencari kerja dan kedudukan ekonomi pemimpin tempatan. Pada tahun-tahun 1950an dan 60an, Newell dan Nyce mendapati bahawa komuniti Cina tidak menghargai peranan sekolah yang memberi pelajaran kepada anak-anak mereka.

Kajian Strauch, Loh dan kajian saya menunjukkan bahawa pada tahun-tahun 1970an dan 80an ini, kepentingan pelajaran sudah disedari. Ibu bapa berusaha supaya anak-anak mereka maju dalam pelajaran dengan menghantar anak mereka ke tadika, kelas tambahan (tuition), malah ke sekolah persendirian yang memakan belanja yang tinggi. Juga didapati bahawa pemimpin tempatan khususnya dari organisasi sosial, dilantik berdasarkan kemampuan mereka memberi sumbangan kewangan kepada aktiviti komuniti. Akhir sekali, penyelidikan ini mendapati hubungan pemimpin politik di peringkat tempatan (bawahan) adalah formal dan ia wujud kerana mencapai matlamat kepentingan bersama.

Seperti yang telah dikatakan, kajian ini adalah serba ringkas. Ia hanya meliputi beberapa aspek dalam komuniti Cina di luar bandar. Namun demikian, diharap ia dapat memberi sedikit sumbangan kepada bidang kemasyarakatan, khususnya untuk perbandingan.

GAMBAR  
@oooooooo@



Gambar 1: Sebahagian dari Jalan Besar, pekan Langkap.

Sumber Gambar: Penulis jalinan salin sebaik pergi menjalani tugas dalam Penerokaan di Langkap. Kementerian Kebudayaan dan Kesenian Negara Universiti.



Gambar 11: Pasar Rabu di Langkap. Suasana adalah sibuk dan komuniti luar dari sekitar Langkap juga datang.



Gambar 111: Menunjukkan salah sebuah gerai menjual baju dalam Pasar Rabu di Langkap. Komuniti berbilang kaum berinteraksi.



Gambar IV: Gerai-gerai sementara didirikan pada waktu pagi di hadapan pasar di Langkap.



Gambar V: Gambar di atas menunjukkan tokong Cina Kuan Yin di Langkap.

BIBLIOGRAFI

1. Abdullah Aziz bin Zakaria, Datuk, Pengenalan kepada Jentera Pentadbiran Kerajaan di Malaysia, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1971.
2. Abdullah Sanusi Ahmad, Kerajaan dan Pentadbiran Malaysia, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1980.
3. Beaglehole, J.H., The District: A study in a decentralization in West Malaysia, Hull Monographs on South-East Asia, No. 6, Oxford University Press, 1976.
4. \_\_\_\_\_, Local Government in West Malaysia: The Royal Commission Report, dalam Journal of Administration Overseas, Volume 16, 1977.
5. Buku Cenderamata, keluaran sempena Perayaan Pengistiharan Majlis Daerah Hilir Perak Teluk Anson, 5hb., April, 1980, Teluk Intan, Perak.
6. Buku Cenderamata, keluaran sempena Sukaneka Rukun Tetangga Sektor Langkap Hilir Perak, 2hb. Oktober, 1983, Langkap, Perak.

7. Buku Cenderamata, keluaran sempena Perasmian Bangunan Tambahan Baru Sek. Keb. Seri Langkap, Hilir Perak, 27hb. Julai, 1983, Teluk Intan, Perak.
8. Buku Panduan, Majlis Daerah Hilir Perak Ke Arah Pembangunan, 30hb. Oktober, 1982, keluaran Majlis Daerah Hilir Perak, Teluk Intan.
15. Milne, R.S. dan Kaury Diane K., Politics and Government in Malaya, London, Oxford University Press, 1953.
9. Chan, Wing-tsit, Religious Trends in Modern China, Colombia University Press, New York, 1953.
16. Newell, William Hare, Chinese Farmers of the village of Tanjung Tokong, London, Social Research Unit, University of London, 1951.
10. Cheema, G. Shabbia, Administrative Responses to Urbanization in Western Malaysia, dalam Journal of Administration Overseas, Volume 16, 1977.
17. Morris, Malcom M., Local Government in Peninsular Malaysia, London, Hutchinson Educational Ltd., England, 1980.
11. Dobby E.H.G., Resettlement transforms Malaya: A case history of relocating the population of an Asian plural society, dalam Economic Development and Cultural Change, Volume 3, 1953.
18. Local Government in West Malaysia: The Royal Commission Report and After, dalam Studies in Comparative Local Government, IULI, Volume 8, 1974.
12. Gullick, J.M., Indigenous Political Systems of Western Malaya, University of London, The Athlone Press, London, 1953.
19. From Poor Chinese New Villages in Malaya: a community study, Malaysian Sociological Research Institute Ltd., Singapore, 1973.

13. Loh, Francis Kok-Wah, Beyond the tin mines; the political economy of Chinese squatter farmers in the Kinta New Villages, Malaysia, Ann Arbor, Michigan University Microfilms, 1980.
14. Malaysia, Kementerian Kewangan Malaysia, Laporan Pasaran Harta, 1981.
15. Milne, R.S. dan Mauzy Diane K., Politics and Government in Malaysia, Federal Publication, Singapore, 1978.
16. Newell, William Hare, Chinese farmers of the village of Treacherous River, Social Research Unit, University of Malaya, Singapore, 1956.
17. Norris, Malcom, W., Local Government in Peninsular Malaysia, Gower Publication Co. Ltd., England, 1980.
18. \_\_\_\_\_, Local Government in West Malaysia: The Royal Commission Report and After, dalam Studies in Comparative Local Government, IULA, Volume 8, 1974.
19. Nyce, Ray, Chinese New Villages in Malaya: a community study, Malayan Sociological Research Institute Ltd., Singapore, 1973.

20. Snider, Nancy L., Malaysian Noncommunal Parties, dalam Lent, J.A. (ed.), Cultural Pluralism in Malaysia: Polity, Military, Mass Media, Education, Religion and Social Class, Illinois Centre for Southeast Asian Studies, Northern Illinois University, 1977.
21. Strauch, Judith, Sanchun Malaysia: Local-level Politics in a rural Chinese town, Ann Arbor, University Microfilms, Michigan, 1973.
22. Vasil, R.K., The Malaysian General Elections of 1969, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1972.
23. Yang, C. K., The Functional relationship between Confusion Thought and Chinese Religion, dalam John K. Fairbank (ed.), Chinese Thought and Institution, University of Chicago Press, 1959.
24. Elliot, Alan J.A., Chinese Spirit-Medium Cults in Singapore, London, LSE Monographs in Social Anthropology, No. 14, 1955.